

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 108 ● 26 MAC - 1 APRIL 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my/)

 Wilayahku

 @akhbarwilayahku

 Wilayahku

 WK TV



RAZAKMAS 2

Dari Sri Labuan ke Razakmas 2

Terima kasih kerajaan PN

33,000 murid terima baucar YWP
-> MUKA 8

Pameran emas dan tragedi
-> MUKA 9 - 11

Legasi 100 tahun New York di Nathan's KLCC
-> MUKA 15

TIADA ungkapan yang lebih baik melainkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang dipimpin oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang meletakkan keutamaan terhadap agenda pembangunan semula perumahan rakyat di Kuala Lumpur menjadi realiti. Seramai 395 penduduk Perumahan Awam Sri Labuan yang rata-ratanya merupakan warga emas sebelum ini terpaksa menunggu selama 10 tahun akhirnya terbalas apabila Muhyiddin sendiri menyerahkan kunci rumah di Residensi Razakmas 2 sebagai simbolik berakhirnya penderitaan mereka yang selama ini berteduh di flat usang berusia 40 tahun.

Inisiatif Pembaharuan Bandar atau *Urban Renewal* yang diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memberi nafas baharu untuk bandaraya ini sekali gus membantu warga kota meningkatkan pemilikan harta bermaklumat tinggi di kawasan strategik.

LAGI BERITA DI MUKA 2

SILA IMBAS KOD QR UNTUK MENONTON VIDEO



Tengku Zafrul, Wan Rosdy dahului senarai DKBPWP

MENTERI Kewangan, Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz mendahului senarai penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP), tahun ini.

Beliau menerima Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah (S.U.M.W.) yang membawa gelaran

Datuk Seri Utama di samping Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Utama Wan Rosdy Wan Ismail.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam satu kenyataan memaklumkan, seramai 146 penerima dikurniakan DKBPWP dalam Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan yang berlangsung di Istana Negara,

Selasa lalu.

Menurutnya, sesi pertama itu akhirnya dapat diadakan selepas istiadat yang dijadualkan pada 1 Februari lalu terpaksa ditangguhkan dengan mengambil kira situasi semasa pandemik COVID-19 serta arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan ketika itu.

"Justeru, istiadat yang berlangsung ini diadakan dengan mengikut garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat seperti mana ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Istana Negara," katanya.

LAGI BERITA DI MUKA 3 & 12

Tersuluh sinar di rumah baharu

AZLAN ZAMBRY

INISIATIF Pembangunan Semula kawasan Perumahan Awam (PA) yang diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah memberikan impak positif terhadap kehidupan penduduk PA Sri Labuan yang selama ini terpaksa menjalani kehidupan dalam keadaan yang serba kekurangan sekalipun mempunyai tempat berteduh.

Dengan keluasan sekitar 450 kaki persegi untuk satu bilik dan 550 kaki persegi untuk dua bilik, rata-rata penduduk di sini melahirkan kesyukuran apabila kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberikan penekanan untuk menyelesaikan pembinaan rumah tersebut.

Bagi **Jamilah Husin, 58**, beliau melahirkan kegembiraan dan kesyukuran apabila kerajaan Perikatan Nasional (PN) mengutamakan rintihan penduduk PA Sri Labuan dengan mempercepatkan pembinaan pangsapuri ini sekali gus meleburkan penantian selama 10 tahun.



JAMILAH

"Kebanyakkann penduduk di sini adalah warga emas dan kami telah berjuang untuk mendapatkan rumah yang lebih selesa sejak 10 tahun lalu."

"Pembinaannya pernah terbengkalai beberapa kali dan ia kemudian diteruskan sehingga selesai di bawah pengawasan kerajaan dan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Beliau yang menetap di PA Sri Labuan sejak pada April 1981 berkata, unit perumahan yang dibeli daripada DBKL hanya mempunyai dua bilik tidur den-



SELEPAS terbengkalai beberapa kali, Residensi Razakmas 2 kini boleh dihuni oleh penduduk-penduduk Perumahan Awam Sri Labuan.

gan keluasan kira-kira 550 kaki persegi dan ia bermasalah untuk keluarganya selama ini.

"Kita ini ada anak lelaki dan perempuan, bagaimana hendak duduk sekali dan bercampur lelaki dan perempuan. Selain itu, ia sempit dan bilik air pula hanya satu

"Kebetulan anak dan cucu turut menetap bersama maka ia menjadi sangat tidak selesa dan kami berhadapan dengan masalah parkir kereta malah sering mengundang perselisihan faham antara jiran-jiran berkenaan masalah tersebut," katanya.

Jamilah berkata, keluasan Residensi Razakmas 2 adalah 850 kaki persegi dan ia lebih besar berbanding rumah yang didudukinya ketika ini dan ia dapat menyelesaikan masalah lain yang terpaksa dihadapi penduduk PA Sri Labuan sebelum ini.

"Perkara yang utama adalah masalah bilik. Berbanding di sini, ia mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air. Ia sememangnya jauh beza dan keluasannya juga

sekali ganda berbanding di PA Sri Labuan.

"Masalah parkir juga dapat diselesaikan kerana setiap unit mempunyai dua unit parkir dan Residensi Razakmas 2 mempunyai tujuh tingkat untuk kawasan parkir sahaja dan ia jelas memberikan keselesaan kepada penduduk," katanya.

TIADA WANG TAMBAHAN

Kata Jamilah, untuk memiliki rumah baharu, beliau tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan tambahan kerana nilai tukaran rumah miliknya di PA Sri Labuan yang berharga RM28 ribu diganti secara percuma dengan rumah baharu yang bernilai RM198 ribu.

"Saya hanya mengeluarkan perbelanjaan ketika hendak membeli unit yang diduduki sekarang berharga ini daripada pihak DBKL sekitar lapan tahun lalu.

"Apabila berpindah ke sini, kita tidak mengeluarkan perbelanjaan walau satu sen pun kerana perjanjian tukaran rumah lama dengan rumah baharu," katanya.

Jelasnya, penduduk hanya



PERBEZAAN pelan Flat Sri Labuan dengan Residensi Razakmas 2 yang merupakan sebahagian dari Pelan Pembangunan Semula Bandar KWP.

akan berbelanja ketika membuat persediaan untuk berpindah kerana ia memerlukan perabot dan kelengkapan rumah yang baharu.

"Rumah baharu ini perlu dipasang grill dan peralatan elektrik seperti lampu, kipas dan sekiranya mampu akan pasang penyaman udara.

Tambahnya, beliau turut sudah mengemas barang-barang penting yang berkaitan dan melakukan persiapan awal untuk berpindah.

GENERASI KEDUA

Sementara itu, beliau turut melahirkan harapan agar generasi kedua diberi peluang untuk membeli rumah di kawasan itu dengan harga yang berputat.

"Saya hanya mengharapkan agar anak-anak kami berpeluang membeli rumah di sini kerana ketika ini hanya generasi pertama sahaja yang layak.

"Sekiranya ia dibenarkan, maka ia dapat membantu generasi kedua mendapatkan rumah di kawasan tersebut sekali gus dapat mengurangkan masalah pemilikan rumah dalam kalangan orang

muda," katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pihak menteri serta DBKL.

Dalam pada itu, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan PN terutama kepada Perdana Menteri di atas usaha bersepdua untuk memberikan keselesaan kepada warga PA Sri Labuan.

"Saya berharap keselesaan yang bakal kami nikmati ini turut diberikan kepada penghuni yang lain terutama di beberapa PA sekitar Parlimen Bandar Tun Razak yang terlibat dengan projek seumpama itu.

"Kami juga mengharapkan agar kerajaan PN dapat merealisasikan impian mereka kerana ia masih belum ada khabar berita mengenai projek tersebut.

"Saya juga mengucapkan ucapan terima kasih kepada Tan Sri Annur Musa, DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang banyak memudahkan sebahagian besar pemilik PA Sri Labuan kerana ia telah mengakhiri penantian kami selama ini untuk mencapai kehidupan yang lebih selesa," katanya. **WK**

"Pak Cik ingat ini adalah perpindahan terakhir..." - Mohd Tarir

"PAK Cik ingat ini adalah perpindahan terakhir dan tidak akan pindah lagi. Rupanya, kuasa Tuhan, kami dapat rumah baharu dan ia amat menggembirakan," itulah luahan **Mohd Tarir Lebai Sidon, 69**, apabila beliau merupakan antara penduduk Perumahan Awam Sri Labuan yang ditawarkan rumah baharu di Residensi Razakmas 2.

Dia yang juga pemandu bas sekolah tidak pernah menyangka akan berpindah ke rumah yang lebih selesa kerana berpendapatan rendah dan sebelum ini hanya mampu menyewa dengan Dewan



TARIR



RUBIAH

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan harga RM94 sebulan.

"Rumah ini hanya mempunyai satu bilik dan berkeluasan hanya 450 kaki persegi. Ia menyulitkan pergerakan kera-

na saya mempunyai seorang anak perempuan yang turut tinggal bersama.

"Apabila kerajaan mengumumkan ia boleh dimiliki, kami kemudian membeli dengan harga RM21 ribu secara tunai dengan DBKL melalui pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan isteri," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.

Rubiah Saimin, 67, berkata, berpindah ke rumah baharu merupakan satu kegembiraan untuk beliau sekeluarga memandangkan ia jauh lebih

selesa dari rumahnya kini.

"Masalahnya bila tiba hari raya, semua akan bertemu ke rumah saya, jadi disebabkan dua bilik dan sempit memang agak sukar kerana anak sulung sudah berkeluarga dan mempunyai lima orang anak.

"Cucu juga dah besar dan mereka tidak selesa dan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mereka banyak menghabiskan masa di rumah malah anak pertama turut duduk di blok berhampiran kawasan perumahan yang sama," katanya.

Beliau yang tinggal di PA Sri

Labuan sejak 39 tahun yang lalu berkata, persiapan untuk berpindah telah dilakukan secara sedikit demi sedikit.

"Setakat ini belum ada tarikh yang tepat untuk berpindah, jadi saya membungkus peralatan sedikit demi sedikit. Sebahagian barang juga sudah pun di bungkus dalam kotak-kotak kecil dan menanti masa untuk berpindah

"Saya tidaklah akan membeli peralatan baharu memandangkan sudah bersara, mana peralatan yang masih boleh digunakan akan dibawa ke rumah baharu," katanya. **WK**

Petugas barisan hadapan turut dianugerahkan Pingat Wilayah Persekutuan

15 individu dianugerah S.M.W.

DARI MUKA DEPAN

SESI Pertama Istiadat menyaksikan seramai 15 individu dianugerah Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Manakala 41 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.), 22 individu menerima Darjah Kebesaran Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.) dan 27 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.).

Selain itu, 12 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.) dan 27 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pingat Pangkuhan Mahkota Wilayah (P.P.W.).

DKBPWP juga dikurniakan kepada anggota barisan hadapan yang banyak menabur bakti kepada negara dan bertungkus lumus berusaha menangani penularan wabak COVID-19.

Mereka yang mewakili anggota



PERDANA Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin turut hadir ke Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran di Istana Negara, pada Selasa.

barisan hadapan pasukan kesihatan antaranya ialah Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Chong Chee Keong; Pengarah Hospital Kuala Lumpur, Datuk

Dr Heric Corray dan Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Datuk Dr Param Jeeth Singh.

Tidak ketinggalan, pasukan ba-

risan hadapan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Mohd Fadhil Muhamad Yusof dan Amaluddin Suib yang dianugerah Darjah Kebesaran Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.).

Selain mereka, Leftenan Kolonel Mohammad Asri Che Wil dari Angkatan Tentera Malaysia dan Kolonel Mohd Kamil Abdul Latiff dari Kementerian Pertahanan dianugerahi Darjah Kebesaran Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.).

Bagi mengiktiraf sumbangan penggiat seni dan budaya, Sasterawan Negara, Prof Datuk Dr Siti Zainon Ismail dikurniai Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.) atas kejayaan beliau mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa apabila meraih pelbagai anugerah termasuk SEA Write Award pada 1989 di samping Tokoh Anugerah Persatuan Alumni Pendidikan Tinggi Indonesia (PAPTI) melibatkan Anugerah Seni Budaya 2015, Anugerah Srikandi GPMS 2018

dan Anugerah Sasterawan Negara Malaysia 2019.

Selain itu, individu yang menerima Darjah Kebesaran P.M.W. adalah Ahli Dewan Negara, atlet paralimpik negara dan Penggerusi BERNAMA, Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi selepas beliau banyak memperjuangkan dan memperkasakan komuniti orang kurang upaya (OKU) serta golongan memerlukan menerusi pertubuhan bukan kerajaan yang diketuainya iaitu OKU Sentral.

Pakar Perlembagaan dan Dekan Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Shamrahyu Abd Aziz juga dianugerahi Darjah Kebesaran P.M.W. atas sumbangan beliau dalam bentuk penulisan dan kajian tentang hal-hal kenegaraan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam serta hak asasi manusia.

Pengurniaan DKBPWP merupakan satu penghormatan dan suntikan semangat kepada semua penerima untuk terus memacu kecemerlangan. **WK**

10 tahun tunggu rumah ganti, penantian panjang berakhir juga

RUMAH baharu yang diperolehi secara ‘percuma’ sememangnya menjadi impian setiap orang apatah lagi kepada kira-kira 395 penduduk Perumahan Awam (PA) Sri Labuan di Bandar Tun Razak yang telah menunggu sejak 10 tahun lalu melalui projek pembangunan semula yang merupakan inisiatif di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Inisiatif yang bermatlamatkan keselesaan dan kemakmuran untuk kehidupan warga kota menjadi kenyataan apabila rumah ganti telah siap sepenuhnya dan hanya menunggu masa untuk diduduki penduduk yang dipindahkan daripada PA Sri Labuan.

Kegembiraan dan keterujaan jelas terpancar di wajah penduduk PA Sri Labuan yang rata-ratanya merupakan warga emas yang sudah menduduki perumahan itu sejak 40 tahun lalu. Malah mereka telah pun membuat persiapan untuk membuka lembaran baharu dalam kehidupan mereka di kediaman baharu yang lebih besar dan selesa.

“Kalau boleh esok pagi saya nak pindah dah, tapi tak boleh nak dapat kunci lagi,” itulah keterangan warga emas, Syed Rahmad Syed Abdullah,

SYED RAHMAD

71, yang bakal berpindah ke Residensi Razakmas 2 di Bandar Tun Razak.

Syed Rahmad merupakan salah seorang daripada 395 penduduk Perumahan Awam (PA) Sri Labuan yang menyokong usaha KWP dalam program pembangunan semula



PROGRAM Pembaharuan Bandar dapat memberi nilai tambah kepada pemilik PA Sri Labuan kerana diberi sebuah rumah di Residensi Razakmas 2.

kawasan perumahan awam dengan kerjasama pemaju swasta.

Kata Syed Rahmad, dia yang telah menduduki kawasan PA Sri Labuan sejak 40 tahun lalu nyata teruja apabila bakal berpindah bila-bila masa sahaja kerana telah menunggu projek tersebut sejak 10 tahun lalu.

“Kawasan PA Sri Labuan ini boleh dikatakan antara kawasan yang baik kerana penduduk di sini saling hormat-menghormati dan mengambil berat antara satu sama lain.

“Isu keselamatan dan jenayah juga tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan kawasan pe-

rumahan lain di Kuala Lumpur ini.

“Cumanya, masalah perumahan ini hanyalah keluasan yang kecil dan ada unit mempunyai dua bilik dan satu bilik sahaja,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Dia yang juga pesara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak dapat menyembunyikan kegembiraan dan rasa teruja kerana impian menduduki rumah baharu yang lebih selesa sudah semakin hampir.

“Memang kita dah seronok lah, bila dapat rumah macam itu, kita dah seronok nak pindah dah, kalau boleh esok pagi nak pindah tapi tak boleh nak dapat kunci lagi.

“Barang-barang semua saya dah bungkus malah beberapa peralatan termasuk almari sudah dijual dan akan beli beberapa peralatan



RUMAH baharu yang mempunyai tiga bilik dapat memberikan keselesaan kepada penghuninya.

baru untuk memasuki kediaman baharu.

“Ada sebahagian akan dibeli sebaik sahaja memasuki rumah baharu dan anak saya akan membantu mendapatkan peralatan baharu,” katanya.

Mengimbau kenangan lalu, Syed Rahmad berkata rumah yang dibeli hanyalah satu bilik sahaja berkeluasan kira-kira 400 kaki persegi dan berharga kira-kira RM21 ribu.

“Masa dahulu memang susah walaupun mempunyai dua orang anak lelaki dan perempuan. Kalau hendak tidur, ia agak sukar kerana isteri dan anak perempuan memerlukan privasi selain keadaan rumah yang agak sempit.

“Apabila anak-anak sudah besar dan berkahwin, anak sulung telah

berkeluarga dan kini menetap di Rembau manakala anak kedua berpindah di kawasan sama, tetapi di tingkat yang berbeza,” katanya sambil menambah beliau hanya duduk di rumah tersebut bersama isteri.

Syed Rahmad berkata, disebabkan kediannya hanya mempunyai satu bilik sahaja, ia mendatangkan masalah apabila tiba musim perayaan atau cuti sekolah.

“Anak sulung yang menetap di Rembau sudah bekerluarga dan mempunyai tiga orang anak.

“Apabila mereka pulang ke sini, saya dan isteri terpaksa tidur di ruang tamu manakala anak saya sekeluarga akan tidur di bilik kerana cucu-cucu sudah besar,” katanya. **WK**

Keselamatan projek Lebuhraya SUKE membimbangkan

SYAHIDI BAKAR

KEJADIAN struktur kren jatuh di tapak pembinaan projek Lebuhraya SUKE berhampiran Persiaran Alam Damai awal pagi, Isnin lalu, telah menimbulkan pelbagai kebimbangan berhubung tahap keselamatan projek yang rancak dibina itu.

Bagi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, **Ashrul Ashryzad Mohd Nashri** berikutan kerap berlaku tragedi hingga meragut nyawa orang awam, maka projek pembinaan itu perlu diberi perhatian serius oleh pihak berwajib.

Katanya, Pergerakan Pemuda UMNO Bandar Tun Razak bukan sekadar memandang serius perkara ini, malahan berasa bimbang dengan tahap dan aspek keselamatan projek tersebut.

"Persoalan yang timbul bagi banyak pihak, sama ada projek pembinaan ini mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP) yang ditetapkan atau sekadar melepas batuk di tangga demi meraih lebih keuntungan bukannya keselamatan.



ASHRUL (tengah) bersama Pemuda UMNO Bandar Tun Razak membuat laporan Polis terhadap kontraktor Lebuhraya SUKE pada Isnin.

"Lebih membimbangkan, adakah lebuhraya yang dibina ini selamat untuk digunakan selepas siap pembinaannya kelak?", soal Ashrul melalui satu kenyataan dikeluarkan di sini.

Dalam kejadian terbaru itu, dua nyawa terkorban manakala dua lagi cedera parah setelah bahagian komponen kren yang sedang menjalankan kerja pembinaan terjatuh

dan menghempap kenderaan yang lalu lalang di kawasan tersebut.

Menurut Ashrul, kejadian terbaru itu merupakan tragedi kali ketiga di tapak projek sama di dalam tempoh tujuh bulan dengan jarak antara kawasan kejadian dalam lingkungan 5 kilometer sahaja.

Katanya pada 19 September tahun lalu, seorang wanita nyaris maut apabila kereta

dipandunya dihempap batu konkrit yang jatuh dari struktur pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE).

"Sebelum ini pula, 3 Mac lalu, dua pekerja kilang wanita maut apabila van yang dinaki mereka itu dihempap perancah besi pembinaan Lebuhraya yang sama.

"Jadi, kebimbangan ini amat berasas terutama bagi warga penduduk Bandar Tun Razak dan juga kawasan sekitarnya yang tiada pilihan melainkan melalui jalan-jalan berisiko tinggi ini untuk ulang alik ke tempat kerja, ke universiti mahupun untuk menghantar anak-anak ke sekolah.

"Pemuda UMNO Bahagian ingin mendesak projek pembinaan ini dihentikan sementara dan satu panel siasatan khas diwujud bagi siasat apakah punca yang mendorong kerap berlakunya tragedi sebegini dan pihak berwajib harus mengheret pihak bertanggungjawab ke muka pengadilan jika wujud unsur kecuaian atau salah guna di dalam pelaksanaan projek demi raih untung," katanya. WK



Kemalangan di tapak pembinaan: Apa sudah jadi?

APA sudah jadi? Satu lagi kemalangan di tapak pembinaan berlaku. Kali ini di kawasan pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) di Persiaran Alam Damai, Cheras, Kuala Lumpur, pada Isnin 22 Mac 2021. Kejadian berlaku apabila satu daripada komponen *crane gantry* terjatuh ketika menjalankan kerja-kerja penyenggaraan.

Tiga orang pekerja binaan terkorban. Dua daripadanya terjatuh daripada ketinggian 40 meter dan seorang akibat tersebut pada struktur besi. Dua lagi pekerja terselamat.

Seorang pengguna jalan raya juga cedera parah pada leher apabila kereta dinaiki dihempap kren tersebut ketika melalui jalan tersebut. Dia kemudian dikejarkan ke Hospital Canselor Tuanku Mukhriz.

Sekali lagi, kemalangan ini melibatkan projek pembinaan lebuhraya SUKE selepas kejadian sama pada Rabu 3 Mac di projek pembinaan SUKE berhampiran Desa Tun Razak menghala ke Ampang. Dua orang maut dan tiga parah dalam kejadian tersebut.

Pada kejadian 3 Mac, sebuah treler melanggar kerangka besi jambatan pejalan kaki yang sedang dalam pembinaan. Akibatnya rusuk keluli bersama perencah terjatuh dan jambatan runtuhan di kedua-dua laluan jalan raya.

Runtuhan ini menghempap sebuah van pekerja dinaiki oleh lima orang yang kebetulan melalui tempat tersebut dalam perjalanan ke tempat kerja. Mereka berada di tempat yang salah pada waktu yang salah. Namun itulah ketentuan Allah.

Sampai bila kemalangan di tapak pembinaan jalan raya atau lebuhraya bertingkat di ibu negara harus dibiarkan berlaku? Adakah terlalu sukar dibendung atau diatasi? Dua kejadian yang berlaku dalam jangka waktu 20 hari melibatkan syarikat pembinaan dan projek sama sangat membimbangkan.

Pastinya kejadian ini menghantui pengguna jalan di ibu kota yang saban hari berhadapan dengan masalah jalan yang sentiasa sibuk dan sesak.

Benar, kemalangan boleh berlaku bila-bila dan di mana-mana jua. Namun segala langkah pencegahan mesti diambil. Selain mematuhi peraturan, pastikan semua peralatan yang digunakan dalam keadaan baik.

Justeru apa yang berlaku seharusnya dijadikan pengajaran dan panduan agar kejadian sama tidak berulang. Pengguna jalan raya mesti diyakinkan bahawa keselamatan mereka terjamin. Ini kerana setiap kejadian yang berlaku pasti menambah kegusaran dan menimbulkan kesangsian mengenai tahap keselamatan mereka.

Pihak pemaju, pihak berkuasa sama-sama bertanggungjawab memastikan orang ramai melalui jalan yang terdapat pembinaan tanpa rasa takut atau rasa tidak selesa.

Secara logiknya, melalui jalan dengan kren bergantung atau perancah memenuhi ruang, pasti akan menerbitkan rasa bimbang.

Hindarkan kebimbangan ini. Jadikan jalan raya di ibu negara tempat selamat. Keperluan menaik taraf jalan di ibu negara tidak dinafikan. Namun aspek keselamatan awam mestilah sentiasa diutamakan.



JKKP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan menjalankan siasatan komprehensif bagi mengenal pasti punca insiden tersebut.

"Majikan mempunyai kawalan penuh ke atas sebarang risiko aktiviti di tempat kerja, membuat analisis dan mengadakan kawalan risiko yang berkesan sebelum

pekerja menjalankan aktiviti kerja. Ini bagi mengurangkan risiko keselamatan ke atas pekerja dan orang awam serta mengelakkan berlakunya kejadian," katanya. WK

JKKP siasat pelanggaran akta - KSM

JABATAN Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan (JKKP) sedang menyiasat sekiranya wujud pelanggaran Akta Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan 1994 dalam insiden komponen besi kren terjatuh di tapak pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) di Puncak Bayan, Persiaran Alam Damai, Cheras hari ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia **Datuk Awang Hashim** berkata kementerian itu telah mengarahkan JKKP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk menjalankan siasatan komprehensif bagi mengenal pasti punca insiden tersebut.

JKKP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya juga telah mengeluarkan arahan serta-merta untuk menghentikan semua aktiviti kerja di kawasan tersebut bagi

tujuan siasatan, katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam kejadian kira-kira 8.45 pagi itu, tiga pekerja warga asing maut sementara seorang pemandu kenderaan cedera setelah komponen kren 'launcher' terjatuh serta menghempap sebuah kenderaan di kawasan pembinaan tersebut.

Awang berkata kementerian itu memandang serius setiap kemalangan berpunca daripada aktiviti pekerjaan termasuk kes yang melibatkan orang awam di sektor pembinaan.

Mengikut Akta Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan 1994, adalah menjadi kewajipan setiap majikan untuk memastikan keselamatan, kesehatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya mahupun orang awam di tempat kerja di bawah kawalannya.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
Kikkywilayahku@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farid Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yahoo.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@ayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Jumaitul Lailiy Zakiah Ismail
jumaitul@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm886@gmail.com

Pasar Datuk Keramat terbakar menjelang bulan Ramadan

Annuar arah DBKL bantu peniaga

AZLAN ZAMBRY

MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menzahirkan perasaan sedih susulan kebakaran deretan kedai di Pasar Datuk Keramat kerana bencana tersebut berlaku menjelang kedatangan bulan Ramadan.

"Dukacitanya ia berlaku dekat dengan bulan Ramadan dan saya akan berbincang dengan Datuk Seri Rina Harun untuk mengambil tindakan serta merta.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga akan mengambil tindakan segera dan akan berunding dahulu dengan peniaga-peniaga.

"Kalau semua orang bersetuju, kita tidak ada pilihan melainkan mendirikan semula (gerai) di tapak yang sama secara serta-merta," katanya kepada *Wilayahku* selepas turun padang meninjau keadaan Pasar Datuk Keramat Rabu malam.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun.



ANNUAR meninjau lokasi kebakaran di Pasar Datuk Keramat dan mengarahkan DBKL menyegerakan bantuan kepada peniaga yang terjejas.

Menurut Annuar, beliau sedang menunggu maklumat terperinci mengenai insiden tersebut daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Polis dan bahagian teknikal dan kejuruteraan DBKL sebelum membuat keputusan untuk membina semula kedai tersebut.

"Saya difahamkan seramai 46 orang mangsa yang terlibat dan kita akan dapat maklumat terperinci setelah mereka semua berdaftar.

"Kita akan panggil pemaju kerana tanah ini dalam perundingan dengan mereka. Saya juga perlu lihat semua aspek dan dalam tempoh lima hari Insya-Allah, saya akan buat



KEBAKARAN yang menyebabkan 49 peniaga kehilangan tempat mencari rezeki. Foto Bomba KL

satu keputusan dan mencari jalan untuk membina semula dengan cara yang paling cepat agar mereka boleh berniaga dalam bulan Ramadan," katanya.

Terdahulu, Annuar meluangkan masa kira-kira 15 minit untuk melihat sendiri kesan kebakaran di Pasar Datuk Keramat yang berlaku pada

pukul 5.32 petang Rabu.

Beliau yang tiba pada pukul 11.17 malam dan disambut Rina yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa turut mendengar taklimat ringkas yang disampaikan wakil JBPM Kuala Lumpur sebelum meninjau keadaan sekitar dan bertemu dengan peniaga yang terjejas. **WK**

YWP sumbang RM25,000 ringankan beban mangsa kebakaran

SYAHIDI BAKAR

SEJUMLAH hampir RM25,000 sumbangan tunai disalurkan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kepada semua penjaja terjejas akibat kebakaran yang berlaku di Pasar Keramat pada Jumaat lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, sumbangan tunai segera RM500 itu diagharkan kepada kesemua 49 penjaja dengan setiap mangsa berdepan kerugian hingga ribuan ringgit akibat gerai jualan mereka musnah.

Beliau berkata, sumbangan diperuntukkan hasil Tabung Bantuan Bencana YWP itu diharap dapat meringankan beban ditanggung oleh para penjaja yang hilang punca pendapatan harian mereka.

"Sejumlah hampir RM25,000 disumbangkan YWP hari ini hasil tinjauan lokasi kebakaran yang turut disertai Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, pada malam kejadian.

"Jadi, atas dasar prihatin kami tampil segera bagi membantu semua mangsa yang terlibat. Walaupun sumbangan tidak seberapa berbanding nilai kerugian dialami, namun kami berharap ia sedikit sebanyak meringankan beban kewangan mereka.

"Bantuan tunai ini boleh digunakan mereka untuk belanja harian mereka sekeluarga buat seketika" katanya selepas sesi sumbangan YWP di Pejabat Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu (PPPBM) Wilayah Persekutuan,



AFFENDI menyerahkan sumbangan kepada kebakaran sambil diperhatikan oleh KPE YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun pada Jumaat lalu.

Datuk Keramat.

Turut hadir, Pengerusi PPPKM, Mohamed Tarmizi Mohamed Akil.

Menurut Zaizalnizam, sejumlah RM1 juta telah diperuntuk YWP untuk Tabung Bantuan Bencana untuk sepanjang tahun ini dan akan digunakan untuk membantu golongan memerlukan akibat bencana yang dialami.

Sementara itu, **Mohamed Tarmizi** berkata, secara kasar nilai kerugian dialami kesemua 49 mangsa dianggarkan sebanyak RM894,500 akibat gerai jualan mereka musnah dijilat api.

"Bagaimanapun jumlah sebenar kerugian masih dalam siasatan pihak berwajib. Saya menyeru para peniaga supaya bersabar dan kita bersama pihak berkuasa termasuk DBKL dan

KWP dalam fasa menentukan mekanisma bersesuaian untuk bantu kesemuanya.

"Pihak DBKL telah berjanji, semua peniaga akan dapat menjalankan perniagaan masing-masing paling lewat sebelum Ramadhan ini. Sama ada tapak lama dibakar pulih atau diganti tapak baharu masih dalam peringkat penentuan," ujarnya.

Bantuan itu disampaikan Timbalan Ketua Bahagian UMNO Titiwangsa, Datuk Affendi Zahari.

Yang turut hadir, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Titiwangsa, Datuk Azizulrahman Mohd Hussain Malim dan Pengurus Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Titiwangsa, Yusnizar Yusop. **WK**

Nampak api dari belakang kedai, kata peniaga

SAYA nampak api mula masuk dari tepi gerai saya, kata peniaga, **Abdul Rahman Ismail**, 38, yang gerainya musnah dalam kebakaran di Pasar Datuk Keramat pada petang Rabu.

Katanya, kejadian itu berlaku secara mengejut kira-kira jam 5.10 petang ketika dia sedang melayan beberapa pelanggan di gerai berkenaan.

"Masa tu saya tengah berniaga, saya perasan api dari belakang kedai saya, lepas itu mula meletup dan nampak api masuk dari tepi kedai."

"Tidak lama kemudian api mula marak di kedai saya dan merebak dengan cepat. Tiga kedai makan ketika itu sudah disambat api," katanya.

Struktur gerai yang berada dalam keadaan rapat antara satu sama lain menyebabkan deretan kedai di Pasar Datuk Keramat, Jalan Keramat Dalam Kuala Lumpur musnah terbakar.

Difahamkan, gerai yang dianggarkan berkeluasan 10 X 15 kaki persegi tidak mempunyai dinding pemisah api sehingga mengakibatkan kebakaran merebak dengan pantas ke gerai bersebelahan.

Menurut Komander Operasi Kanan, Mohd Fahmi Abd Rahim kebakaran berjaya dikawal pada pukul 6.25 petang.

Tambahnya, kejadian tidak melibatkan mangsa dan punca masih dalam siasatan. **WK**



ABDUL RAHMAN merupakan saksi kebakaran di Pasar Datuk Keramat.

PEMERKASA bela nasib rakyat

PROF MADYA ROHAMI SYAFIE

PERDANA Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini mengumumkan inisiatif kerajaan untuk membela nasib rakyat dan memperkuatkannya ekonomi negara.

Sejak negara berada dalam krisis kesihatan COVID-19, kerajaan mengumumkan pelbagai strategi dan inisiatif melalui pakej rangsangan ekonomi untuk membela nasib rakyat.

Ramai rakyat terkesan dengan krisis kesihatan ini. Tidak kira makan gaji dengan bekerja di sektor awam maupun swasta atau bekerja sendiri dan berniaga, golongan ini menjadi ‘mangsa’ pandemik COVID-19.

Justeru, inisiatif kali ini yang menjadi peringkat kelima strategi kerajaan menjaga keseluruhan ekosistem ekonomi, perlulah dilihat bukan setakat sudut ekonomi semata-mata, bahkan sosial.

Bantuan diberikan antaranya RM1.2 bilion kepada golongan B40 hilang pekerjaan serta penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) berpendapatan RM1,000 dan ke bawah.

Selain itu, bantuan RM100 juta bantuan barang dapur diberikan kepada 300,000 isi rumah dan RM20 juta bantuan kepada usahawan orang kurang

upaya (OKU) serta warga emas sedikit sebanyak membantu rakyat menghadapi suasana ekonomi amat suram sejak pandemik COVID-19 melanda negara.

PEMERKASA juga membantu mereka terbabit dalam projek berskala kecil seperti kontraktor kelas G1 hingga G4 dan kemudahan mikro kredit untuk peniaga kecil.

Bantuan juga disasarkan kepada 5,000 agensi pelancongan dengan bayaran RM3,000 sekali bayar dan bantuan RM600 sekali bayar kepada pengusaha inap desa dengan kedua-dua golongan itu perlu berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Meskipun keadaan ekonomi negara mula bergerak lancar akibat kes COVID-19 menurun dan kerajaan beransur-ansur melonggarkan kawalan, aspek selain ekonomi seperti masalah sosial rakyat perlu diberikan perhatian.

Kita semua mengetahui ada dalam masyarakat amat tertekan dengan pandemik COVID-19, lebih-lebih lagi mereka hilang punca pendapatan kerana diberhentikan kerja atau tidak dapat bekerja seperti biasa akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ini boleh memberi kesan



bukan semata-mata bantuan kewangan, bahkan perlu berusaha memastikan setiap rakyat tidak berisiko dijangkiti COVID-19.

Dengan peruntukan tambahan RM2 bilion untuk program imunisasi melalui suntikan vaksin COVID-19, ini memberi kelegaan kepada rakyat agar pandemik COVID-19 berakhir segera.


Masyarakat perlu meyakini tindakan kerajaan menjaga kesihatan rakyat Malaysia, sekali gus tidak perlu ragu-ragu kerana kerana sudah banyak pendapat pakar kesihatan dan perubatan menyokong pengambilan suntikan vaksin.

Kalau sebelum ini kita amat menyokong usaha barisan hadapan menjaga kesihatan rakyat, maka sokongan seumpama itu diperlukan sekali lagi untuk mengurangkan jangkitan COVID-19 pada tahap minimum.

Malah, ia untuk kepentingan bersama supaya kita dapat menjalani kehidupan seperti biasa seperti sebelum bermulanya pandemik.

Penulis adalah Pengarah Institut Kajian Strategik & Pembangunan Perakaunan Mampan (ISSAD), Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA), Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia.

Menangani miskin bandar melalui Inisiatif 5MY



LIM SOON PIN

Pengurus Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (Wilayah Persekutuan)

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) berusaha meringankan beban kos sara hidup rakyat Wilayah Persekutuan dengan merangka program perlindungan sosial yang sesuai untuk membantu golongan berpendapatan rendah.

KWP mengambil pelbagai langkah yang proaktif dalam mengatasi isu kos sara hidup, kesinambungan hidup rakyat dan membasmi kemiskinan di Wilayah Persekutuan.

Program 5MY ini meliputi lima aspek. Pertama, aspek pekerjaan atau MYJob@Wilayah. Kedua, aspek persekolahan atau MYSchoolBus@Wilayah. Ketiga, aspek barang keperluan asas atau MYGrocer@Wilayah. Keempat, aspek makanan atau MYFood@Wilayah dan akhir sekali, aspek perubatan atau MYMedic@Wilayah.

Program ini telah dimulakan pada tahun lepas untuk mencuba keberkesanannya melalui pelaksanaan secara skala yang kecil.

Pada tahun 2020, lebih kurang 35,000 individu dan ketua isi rumah dari 331 perumahan kos rendah di Kuala Lumpur telah

mendapat bantuan secara langsung melalui Program ini.

Pada tahun 2021 pula, Kementerian Wilayah Persekutuan akan memperluas program 5MY ini untuk memanfaatkan lebih banyak warga Wilayah Persekutuan yang berpendapatan rendah.

Pertama sekali, dalam usaha menangani masalah kehilangan pekerjaan, Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi program MYJob@Wilayah akan mencipta lebih kurang 3,000 peluang pekerjaan kepada penduduk Wilayah Persekutuan.

Inisiatif ini sangat penting untuk membantu rakyat yang mengalami kesulitan hidup akibat pandemik COVID-19.

Program ini akan menawarkan peluang pekerjaan dalam enam bidang pekerjaan utama, iaitu bidang pembuatan, pembersihan, perkhidmatan, penyelenggaraan, pembinaan, dan pembungkusan. Jelasnya, inisiatif pengambilan pekerjaan ini meliputi sektor dan industri yang luas.

Kedua, program MYSchoolBus@Wilayah yang bersasar untuk mengurangkan kos tambang pengangkutan pelajar-pelajar dari golongan B40.

Inisiatif ini akan meringankan beban ekonomi keluarga berpendapatan rendah yang semakin meningkat di ibu kota.

Pada tahun ini, program ini akan diperkasa dan diperluas ke 158 kawasan perumahan awam dan swasta kos rendah. Adalah dijangka bahwa sebanyak 10,000 pelajar akan menikmati manfaat insentif ini.

Ketiga, Kementerian Wilayah Persekutuan juga akan menambah baik dan memperluas program MYGrocer@Wilayah yang berkoncepkan pasar bergerak ke kawasan perumahan kos rendah melalui penjualan barang basah dan keperluan harian ke 158 kawasan perumahan kos rendah awam dan swasta.

Di samping itu, program ini bakal dilaksanakan di kampung-kampung tradisi sekitar ibu negara.

Melalui program ini, golongan berpendapatan rendah dapat membeli barang sehari-hari pada harga yang lebih murah daripada harga pasaran, iaitu pada harga 5% hingga 20% lebih murah daripada harga di pasar awam.

Buat masa sekarang, trak MYGrocer bergerak ke hampir semua Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat di Kuala Lumpur.

Keempat, inisiatif MYFood@Wilayah yang berkoncepkan bantuan bakul makanan dapat membekalkan bantuan makanan percuma kepada golongan miskin di Wilayah Persekutuan.

Buat masa sekarang, program ini telah memberi manfaat kepada seramai 32,000 ketua isi rumah di Kuala Lumpur.

Akhir sekali, program MYMedic@Wilayah dapat memastikan golongan B40 mempunyai akses dan perkhidmatan rawatan asas sekali gus pemeriksaan percuma secara mingguan melalui klinik bergerak.

Melalui inisiatif ini, warga kota yang kurang berkemampuan di kawasan perumahan kos rendah di Kuala Lumpur akan mendapat rawatan perubatan yang berkualiti tinggi tanpa perlu menanggung kos yang tinggi berbanding perkhidmatan perubatan swasta.

Secara kesimpulan, segala inisiatif kebaikan rakyat mestilah dilaksanakan dengan segera dalam kaedah yang efektif.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga perlu melipatgandakan usaha agar dapat membantu lebih banyak keluarga berpendapatan rendah yang dihentami pandemik COVID-19.



API YANG MENJILAT KULIT PASAR DATUK KERAMAT

Sepetang bercanda di kaki lima para marhaen berseloka lama membawa bakul untuk masakan istimewa hadirkan senyuman azimat duka

Riwayat 17 Mac 2021 melekat deretan Pasar Datuk Keramat meninggalkan sebuah kepahitan menelan segala air mata kenangan

Api mula memanggang Pasar Keramat asap metropolitan jadi hitam pekat jalan mula banjir sesak dan tenat di halwa telinga tersirat surat

Air pancutan dari wira merah menuai cerita sebuah sejarah menanam benih kekal berwajah memugar kenangan paling indah

Nukilan:
GABRIEL KIMJUAN
Taman Mutiara,
Labuan, Malaysia.
19 Mac 2021

Setiap individu Wilayah Persekutuan yang layak tidak harus terkecuali.

Penulis merupakan Pengurus Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia Wilayah Persekutuan

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Majukan Putrajaya, pertahan keaslian

PUTRAJAYA bakal berubah wajah. Proses transformasi akan dijalankan bagi memastikan ia tidak sahaja dikenali sebagai pusat pentadbiran negara tetapi akan menjadi bandar berkonssep rekreasi tanpa mengubah cirinya sebagai pusat pentadbiran.

Perancangan yang diumumkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, bakal meningkatkan imej Putrajaya sebagai bandar ‘pelbagai’ yang boleh membantu mengukuhkan lagi kehebatannya sebagai pusat pentadbiran.

Bagi Adi, perancangan ini memang tepat kerana pada masa ini Putrajaya hanya dilihat aktif waktu-waktu bekerja atau waktu pejabat. Namun selepas waktu tersebut atau pada hari minggu dan hari cuti, ia dilihat sunyi tanpa banyak aktiviti yang boleh menjadi tarikan penduduk atau orang luar.

Tempat rekreasi dan riadah seperti Taman Botani, Wetland, river cruise atau Dataran Masjid Putra, masih belum mencukupi untuk pelancong tempatan dan luar.

Begitu juga dengan kegiatan ekonomi dan sosiobudaya yang nampak masih kurang untuk menarik orang ramai datang atau menetap di Putrajaya.

Ini berlaku mungkin kerana matlamat utama mewujudkan Putrajaya adalah untuk menjadi pusat pentadbiran menggantikan Kuala Lumpur yang sudah sesak. Bagi Adi, matlamat ini berjaya kerana Putrajaya memang hebat sebagai sebuah bandar pentadbiran.

Namun daripada sisi lain, dan sejak dengan perubahan masa, Putrajaya wajar ditambah baik agar kehebatannya sebagai ibu kota pentadbiran juga diiringi dengan penampilan sebagai bandar meriah dan sentiasa hidup sepanjang masa dengan kegiatan ekonomi dan lain-lain.

Justeru usaha dan visi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) serta Annuar Musa bagi melaksanakan usaha berterusan mempelbagaikan karakter atau wajah Putrajaya perlu dilihat sebagai penggerak ke arah meningkatkan imej Putrajaya menjadi penempatan berdaya huni dan mampan.

Seperti ditegaskan oleh Annuar, konsep bandar rekreasi bertaraf antarabangsa akan diperkenalkan di Putrajaya. Ini secara langsung mempelbagaikan fungsi Putrajaya tetapi tidak mengabaikan karakternya sebagai bandar pentadbiran.

Pelan pembangunan yang dijangka mengambil masa 25 tahun ini, menurut Annuar, akan mengubah ciri Putrajaya daripada sebuah bandar yang hanya aktif pada waktu pejabat

“Bagi Adi, langkah ini amat wajar kerana sementara mengekalkan ciri Putrajaya yang ada sekarang, PPj perlu memandang ke hadapan dan merancang memajukan Putrajaya terutama yang berhubung kait dengan aspek komersial.”

dan ‘mati’ pada hari minggu, kepada bandar yang sentiasa aktif sepanjang waktu.

Untuk tujuan itu Adi difahamkan, KWP akan berbincang dengan Perbadanan Putrajaya (PPj) dan pihak swasta demi melaksanakan pembangunan projek tersebut agar lebih banyak peluang perniagaan dapat diwujudkan.

Jika kita selusuri Putrajaya, memang dapat dilihat tidak banyak aktiviti perniagaan dan lebih tertumpu di kompleks belibah sahaja. Keadaannya tidak meriah dibandingkan dengan aktiviti perniagaan di Kuala Lumpur.

Situasi inilah yang hendak diperbaiki dengan harapan perubahan yang dilakukan dapat membuka peluang pekerjaan serta pelaburan. Dengan peningkatan aktiviti ini, Putrajaya akan menjadi tumpuan selain daripada tujuan hanya untuk berurusan dengan pejabat-pejabat kerajaan.

Bagi Adi, langkah ini amat wajar kerana sementara mengekalkan ciri Putrajaya yang ada sekarang, PPj perlu memandang ke hadapan dan merancang memajukan Putrajaya terutama yang berhubung kait dengan aspek komersial.

Aspek komersial sememangnya memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemeriahan sebuah bandar atau penempatan kerana ia merupakan satu tarikan kepada orang ramai.



KONSEP ‘bandar rekreasi’ yang hendak diterapkan di Putrajaya akan menjadikan ia bandar pertama sedemikian di Malaysia khususnya kerana sehingga kini belum ada bandar seperti itu di negara ini.

Oleh itu ia wajar dilaksanakan di Putrajaya jika mahu bandar itu menjadi lebih meriah dan dipenuhi orang ramai.

Selain itu, konsep ‘bandar rekreasi’ yang hendak diterapkan di Putrajaya akan menjadikan ia bandar pertama sedemikian di Malaysia khususnya kerana sehingga kini belum ada bandar seperti itu di negara ini. Putrajaya juga sudah mencatat nama menjadi bandar pertama di dunia membangunkan Perkampungan Al-Quran.

Bandar rekreasi dalam skop lebih luas tentunya memerlukan kemudahan rekreasi atau riadah yang ada sekarang ditambah. Kerana itu termasuk dalam perancangan ialah membuka sebuah padang golf atau mini safari bertaraf antarabangsa.

Kemudahan sukan yang ada seperti berbasikal, menembak, berkuda serta beberapa lagi aktiviti sukan lasak boleh dipakejkan menjadi produk pelancongan baharu.

Pada padangan Adi, untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Putrajaya, sediakan juga tempat rekreasi yang menjadi tarikan keluarga, misalnya taman tema. Cuba perhatikan di mana-mana tempat, taman tema memang menjadi tumpuan.

sebagai bandar pentadbiran tergugat dan kedamaian serta ketenangan yang dimiliki terhakis.

Sementara Putrajaya wajar terus bergerak maju menurut peredaran masa, kita juga tidak mahu ia menjadi bandar ‘kelam kabut’, sibuk dan hiruk pikuk sehingga menjelaskan kedudukannya sebagai pusat pentadbiran kerajaan. Rancanglah pembangunan dengan bijak dan berhemah.

- Adi Tuah

SAJAK

DAERAHINI

Dahulu pernah kulintasi daerah ini dengan jejak lesu sampai ke hujung waktu tanpa mahu berhenti mentafsir atau bertanya

Sampai kini senaskhah usia di ziarahi naluri resah gemuruh di tanah kalbu takdir masih di langit terapung dengan doa

Mencari pedoman yang dilalai nafsu impian tak bertuan sekadar singgahan bajingan senja semakin tua hayat dilaroh

Masih sempatkah? untuk kubaca gemeresik ayat-ayat-Mu Tuhan iktikafku sementara dalam debar menunggu betapa jauh perjalanan...

Edin Hud Hud

Sekolah Kebangsaan Alam Damai Cheras Kuala Lumpur.

SAAT GELANDANGAN DISANTUNI

air mata menetes kenang nasib diri masih ada tempat berteduh melepaskan penat di bahu kota tidur di kaki lima bangunan berlapik kotak mata lelap tanpa kerisauan membilit hati tenang bersarang kedamaian walaupun pakaian berlubang-lubang esok hari bangun meneruskan kehidupan apa ada dengan dengan kehidupan asalkan perut kenyang hati senang pada wajah lelaki separuh abad urat tangan berselirat kuhulur sebungkus nasi, sebotol air disambutnya dengan mata bertakung air jernih

“kau sebaya, anakku telah hilang norma kasih ditelan kemajuan kota”

Annur Halimah Hakim
19 Mac 2021

SKETSA



Permudah pembelian buku latihan

33,000 murid terima baucar YWP

AINI MAWAWI

SERAMAI 33,000 murid miskin terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menerima baucar bantuan buku latihan sekolah secara *one-off* bernilai RM50 daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, baucar yang ditawarkan tersebut merangkumi murid dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima di ketiga-tiga wilayah pada tahun 2021.



ZAIZALNIZAM



Kebanyakan sekolah sudah selesai mengedarkan surat tawaran

baucar tersebut dan sekarang dalam fasa akhir penebusan yang mana tarikh akhir untuk menebus baucar tersebut adalah pada 30 Mac ini," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Menyentuh cara penebusan tersebut, menurut Zaizalnizam, murid yang terpilih hanya perlu membawa surat tawaran yang dihantar oleh YWP ke koperasi sekolah untuk menuarkannya

kepada buku.

"Baucar bernilai RM50 tersebut boleh diguna pakai untuk semua jenis buku yang berkaitan dengan persekolahan antaranya buku tulis, buku kerja, buku latihan, nota panduan dan sebagainya," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, dengan adanya baucar tersebut dapat membantu meringankan beban perbelanjaan ibu bapa atau pengjaga menghadapi pembukaan sesi persekolahan lebih-lebih lagi dalam pasca COVID-19.

Terdahulu, YWP mengedarkan bantuan Riang Ria Kembali ke Sekolah (RRKS) berjumlah RM3 juta bagi menangani masalah kemiskinan bandar dalam kalangan pelajar. **WK**



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menyerahtakan sumbangan Riang Ria Ke Sekolah kepada murid yang layak. Hadir sama Zaizalnizam (tengah).

Ganjaran Mont Blanc, Bulgari menanti pelanggan bertuah Suria KLCC

NAZWIN NAZRI

KUMPULAN Suria KLCC sekali lagi tampil dengan ganjaran eksklusif apabila mengadakan kempen 'The Great Giveaway' khusus untuk pelanggannya yang berbelanja sekurang-kurangnya RM150 dalam satu resit, bermula sekarang hingga 4 April nanti.

Kempen yang diadakan itu membolehkan pelanggan bertuah membawa pulang hadiah utama yang merupakan baucar beli-belah Suria KLCC bernilai RM5,000, setiap hari.

Manakala dua lagi pelanggan akan menerima hadiah menarik bernilai RM2,500 setiap hari dari jenama Versace La Mer, Dyson, Tissot, Mont Blanc, Royal Selangor, Machines, Bulgari dan Bose Store oleh Flash Gadgets.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien** berkata, bagi menceriakan lagi kempen tersebut, pihaknya memperkenalkan mesin angkup layan diri tanpa sentuh (*contactless claw vending machine*) yang pertama di Malaysia.

Ujarnya, mesin berkenaan mem-

punya keunikan teknologi di mana pelanggan hanya perlu menggunakan telefon pintar mereka untuk mengemudi tanpa menyentuh mesin secara fizikal.

"Tanpa perlu sentuhan fizikal, pelanggan berupaya mengawal dan mengemudi angkup tersebut dalam jarak dua meter hanya dengan mengimbas kod QR untuk memperoleh akses alat kawalan maya melalui telefon pintar masing-masing.

"Kandungan sfera yang berjaya diangkup menjadi penentu pemenang bertuah RM5,000 baucar beli-belah Suria KLCC atau hadiah-hadiah menarik lain bernilai sehingga RM2,500," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Brien, di Terengganu pula, Mesra Mall akan mengadakan kempen ganjaran yang menarik untuk pelanggan dari 21 Mac hingga 10 April 2021 melalui kempen 'You Spend, We Reward' (Anda Berbelanja, Kami Beri Ganjaran).

Beliau memberitahu, menerusi kempen itu, pembeli akan menerima ganjaran hadiah menarik untuk menjadikan pengalaman beli-belah yang lebih mengujakan di samping menjadi landasan terbaik sempena



SALAH seorang pelanggan Suria KLCC cuba mengendalikan mesin angkup menggunakan telefon pintarnya.

ketibaan Hari Raya Aidilfitri.

"Hanya dengan berbelanja RM200 atau lebih dalam dua resit di mana-mana kedai khas di Mesra Mall, pelanggan boleh menebus set eksklusif dari The Body Shop sementara stok masih ada.

"Mereka juga secara automatik layak mencuba Cabutan Bertuah

Mingguan. Selain itu, 10 pelanggan pertama yang menebus ganjaran setiap Ahad dan Isnin akan menerima baucar tunai Nando's bernilai RM30.

"Untuk setiap Cabutan Bertuah Mingguan, pembeli akan membuat cabutan untuk menentukan baucar tunai yang dimenangi sama ada daripada Pierre Cardin, Rasa

Info
ADUAN

PERTIWI	WhatsApp
	: 013-680 6666
	: 013-688 7777
DBKL	Tel : 03-2617 9000
Perbadanan Putrajaya	Tel : 03-8000 8000
	Aduan : 03-8887 3000
Perbadanan Labuan	Tel : 087-408600
	Aduan : 087-408852
Wilayahku	WhatsApp
	: 011-5958 7489

Sayang atau Siti Khadijah yang bernilai RM1,000. Cabutan mingguan akan diadakan pada pukul 3 petang pada 28 Mac, 4 April dan 11 April 2021 di Centre Court," katanya. **WK**

Veteran tentera rayu kerajaan kaji semula bantuan perubatan pesara

PERSATUAN Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) Wilayah Persekutuan memohon kerajaan mengkaji semula skim bantuan perubatan yang disediakan kepada golongan pesara perkhidmatan awam.

Ia susulan kebanyakannya ahli persatuannya berhadapan kesukaran untuk mendahulukan duit rawatan bagi kes-kes tertentu seperti pembedahan

katarak mata dan lutut selain perlu menampung pembiayaan kos lampin pakai buang setiap hari.

Yang di-Pertua PVATM Wilayah Persekutuan, **Bridged Jeneral (B) Datuk Pahlawan Shamsuddin Abbas** berkata, isu perubatan antara masalah utama yang dihadapi pesara kerajaan khususnya yang berjawatan rendah.

Malah, beliau memaklumkan, peruntukan dalam aspek berkenaan tidak merangkumi keperluan pesara masa kini yang kebanyakannya terdiri daripada warga emas.

"Bukan semua penyakit atau peralatan dapat dibantu kerajaan.

"Ahli PVATM Wilayah Persekutuan dianggarkan seramai 6,437. Mengambil contoh mereka yang hilang upaya dan terbaring dalam situasi kos sara hidup ting-

gi terutama ahli yang tinggal di Lembag Klang.

Sehubungan itu, beliau menggesa bekas-bekas anggota tentera untuk mendaftar dan menyertai persatuan supaya kebajikan mereka terbela serta tidak tercincir daripada bantuan kerajaan.

Tambahnya, bantuan yang diberikan itu sejajar dengan fungsi penubuhan persatuan. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

Ria Kafa

26 MAC - 1 APRIL 2021 . BIL 108

Wilayah Ku

CAKNA
SENI BUDAYA
DI WILAYAH PRIHATIN

Pameran emas dan tragedi



NAZWIN NAZRI

SEPANJANG tempoh serangan wabak COVID-19, harga logam emas menjadi tidak stabil sehingga kembali mencuri perhatian pelabur pada penghujung tahun 2020.

Malah, kebanyakan pakar ekonomi dunia menjangkakan harganya akan melepas

AS\$2,000 seauns atau lebih RM300 segram iaitu paras tertinggi di dalam sejarah untuk tempoh enam hingga sembilan bulan, bermula Ogos 2020.

Namun, selepas pengumuman penemuan vaksin COVID-19, harga logam berharga itu mencatatkan penurunan secara mendadak.

Memetik laporan akhbar, Perunding Pelaburan Emas, Syukor Hashim memaklumkan punca harga emas naik disebabkan ancaman COVID-19 yang telah

menjejaskan ekonomi seluruh dunia dan orang ramai tidak berani berbelanja yang secara tidak langsung menyebabkan pelabur memilih emas sebagai aset selamat.

Namun, katanya, apabila berita vaksin COVID-19 dijumpai tersebar, ia dilihat sedikit sebanyak mengurangkan risiko ancaman COVID-19 dengan pakar ekonomi dan pelaburan berpendapat ekonomi dunia akan kembali pulih.

Dalam situasi ini emas dilihat hilang


tarikan sebagai aset selamat yang menjadikan harganya sedikit merosot berbanding jangkaan awal melebihi RM300 segram.

Justeru, Jabatan Muzium Malaysia menggabungkan dua elemen ini dalam siri pamerannya bagi membolehkan masyarakat sedar tentang hubung kait antara kedua-duanya.

BERSAMBUNG DI MUKA 11



PAMERAN berunsur emas menarik perhatian pengunjung.





Dari ICU ke liang lahad

AINI MAWAWI

WABAK COVID-19 masih belum berakhir dan kekal menghantui masyarakat. Bukan sahaja di Malaysia, bahkan dunia berasa bimbang, panik serta cemas dengan peningkatan jumlah kes positif dan kematian saban hari.

Sehingga 23 Mac 2021, korban akibat wabak ini telah pun mencapai angka 2.72 juta di seluruh dunia. Tambah menyedihkan, seandainya jatuh sakit dan ajal menjemput, kaum keluarga dilarang mendekati mereka sama sekali.

Bagi merasai sendiri kepahitan dunia berdepan dengan wabak yang baru menemui vaksin ini, Jabatan Muzium Malaysia berbesar hati mengadakan Pameran Wabak Sedunia Pandemik, Epidemik dan

Endemik.

Pameran yang julung kali diadakan ini dimulakan dengan sejarah wabak di dunia iaitu pada Zaman Kuno, Zaman Pertengahan, Zaman Moden dan pada abad ke-20 hingga kini.

Menurut Pengarah Bahagian Pameran dan Pengembangan Jabatan Muzium Malaysia, **Masni Adeni**, objektif pameran ini adalah bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang wabak yang terdapat di dunia ini.

"Selain daripada penyakit yang ada sekarang, COVID-19, wabak

penyakit sebenarnya sudah bermula sejak zaman kuno lagi sehingga abad ke-20 hingga kini. Jadi, dalam pameran ini juga, kita ingin memberi peluang dan ruang kepada masyarakat untuk melihat sejarah.

"Dalam masa yang sama, pada hari ini, kita berdepan dengan isu semasa iaitu COVID-19, jadi ia juga memberi kita kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan," ujarnya.

Tambah Masni lagi, terdapat juga segmen-segmen tertentu yang dapat melihat bagaimana rakyat Malaysia menghadapi pandemik

tersebut. Malah pihak muzium juga turut membuat kajian untuk mengetahui wabak-wabak yang telah berlaku sepanjang tempoh tersebut.

"Ini salah satu cara untuk kita didik masyarakat sebab tak ramai orang tahu tentang ini. Kita hanya tahu apabila kita tengah melalui wabak terbesar pada era sekarang ini. Dalam masa yang sama, kita baru merasa bagaimana perlu hidup dalam norma baharu dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat," ujarnya.

Tidak hanya tertumpu kepada kesihatan semata-mata, pameran ini lebih kepada sejarah wabak yang pernah menghantui dunia dan bagaimana masyarakat mananganinya serta cabaran-cabarannya yang dihadapi.

"Kita masukkan elemen sejarah, budaya dengan disertai koleksi-koleksi seperti model-model virus Novel Coronavirus (2019-nCoV), virus SARS, virus Ebola, virus Chikungunya dan sebagainya."

"Selain itu, pameran ini juga turut memperlihatkan spesimen yang menjadi perantara wabak seperti beruk, tenggiling, tikus, kelawar dan ayam yang mampu membantu pemahaman pengunjung sepanjang berada di pameran ini," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Ujar Masni, jenis apa sekalipun wabak penyakit yang terdapat di dunia ini, tidak boleh dipandang enteng sama sekali kerana ia bukan hanya demam atau selesema tetapi mampu membawa kepada kematian.

"Ia perlu dicegah dan dirawat dengan sebaiknya. Jika kita lihat dengan lebih terperinci, sejak zaman berzaman lagi, masyarakat sudah bijak mencari kepelbagaiannya dalam perubatan sama ada secara moden maupun alternatif.

"Kaedah perubatan alternatif ini juga melibatkan pelbagai kaum contohnya Melayu, India dan Cina melalui perubatan seperti homeopati, ayurveda, akupunktur," ujarnya lagi. **w.k**



Logam emas sentiasa diburu

SAMBUNGAN DARI MUKA 9

BERDASARKAN laporan sebuah akhbar tempatan pada 21 Julai tahun lalu, harga logam emas dijangka hampir mencecah paras tertinggi dalam tempoh sembilan tahun susulan kebimbangan terhadap peningkatan kes COVID-19 di samping jangkaan inflasi.

Bagaimanapun, permulaan tahun ini, harganya dijangka kekal kurang memberangsangkan untuk tempoh enam bulan pertama susulan persekitaran kadar faedah dan inflasi yang rendah di seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat (AS) yang mana, dalam erti kata lain ia mencatatkan pernurunan.

Difahamkan, harga emas mencecah paras rendah AS\$1,784 (RM7,201.98) seausa pada Februari dan ia boleh menyebabkan komoditi ini terus menyusut sehingga paras AS\$1,698 (RM6,854.80).

Namun, jika harga berjaya kekal di atas paras AS\$1,784, ia akan memacu pergerakan lebih positif kepada AS\$1,840 (RM7,428.05) seausa.

Melihatkan pergerakan harga dan keupayaan emas itu, Pengarah Bahagian Pengurusan Koleksi, **Nor Hanisah Ahmad** mengambil kesempatan menganjurkan pameran Kuasa Emas di Muzium Negara sehingga Jun ini.

Menceritakan tentang pameran emas yang sering dijadikan barang perhiasan kaum hawa, beliau berkata, fokus utamanya adalah untuk menonjolkan bagaimana sejenis logam dapat mempengaruhi seluruh aspek kehidupan manusia dan masyarakat dunia.

"Antara koleksi pameran yang menunjukkan kekuasaan emas dan menggambarkan susur budaya masyarakat kita adalah senjata serta syiling emas yang kebanyakannya

digunakan Raja-raja Melayu dahulu kala.

"Simboliknya adalah untuk menggambarkan siapa pemerintah dan tempoh masa pemerintahan tersebut.

"Kita juga tonjolkan tepak sirih emas yang mana ia menggambarkan adat Melayu. Begitu juga replika bunga emas Kelantan dan Kedah, yang menjadi simbol hubungan diplomatik pada masa itu antara negeri Melayu dan kerajaan Siam," jelasnya kepada *Wilayahku*.

Mengulas tentang dapatan sejarah emas, Nor Hanisah berkata, banyak fakta yang masih belum dirungkai iaitu bagaimana Tanah Melayu satu masa dulu kaya dengan emas sehingga digelar Semenanjung Emas.

Katanya, pada masa itu, Tanah Melayu antara pengeluar emas yang paling tinggi di dunia dan menjadi tarikan penjajah.

"Mereka (penjajah) menggunakan tipu helah menukar nilai mata wang itu dengan mengatakan perak lebih berharga berbanding emas kerana ingin mengautnya untuk dibawa pulang ke negara asal.

"Kita juga mengetengahkan sejarah awal logam emas iaitu ia sudah wujud di zaman purba selain menjadi salah satu alat ritual keagamaan. Ia dibuktikan menerusi bukti tinggalan arkeologi


iaitu rangka manusia yang ditanam bersama koleksi emas," katanya.

Melihat bagaimana logam emas menjadi 'rebutan' dan berkuasa sejak dahulu, Nor Hanisah mengajak masyarakat umum datang ke muzium untuk melihat dengan jelas gambaran kekuasaan emas.

Katanya, ia bagi membolehkan masyarakat belajar dan sedar tentang kepentingan emas yang mempengaruhi sosiobudaya dan ekonomi dunia.

"Saya juga harap masyarakat faham dan boleh buat perbandingan antara negara kita dengan negara lain yang mana masing-masing berusaha mengumpul emas sebanyak mungkin. Dari sudut ekonomi, kekayaan sesbuah negara bergantung kepada sejauh mana rizab emas yang dimiliki.

"Kita mahu bagi semangat dan memaklumkan kepada masyarakat tentang pentingnya mengumpul emas dari sekarang. Walaupun harga sedikit turun, kita kena gunakan peluang yang ada untuk membeli dan mengumpul emas," ujarnya. **WK**



KERIS Diraja Sulawesi.



NOR HANISAH



ANTARA perhiasan emas zaman dahulu kala, termasuk rantai azimat.



TURUT dipamerkan anugerah berunsur emas yang pernah diterima oleh atlet Malaysia.





Imbas
kod QR
untuk
menonton
video



AMIN FARIJ HASAN

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan berangkat ke Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2021 (Sesi Pertama) di Istana Negara, pada Selasa.

Turut hadir Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tan Sri TPr. Annuar Musa.

Seri Paduka Baginda berkenan mengurniaikan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat kepada 143 individu bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2021.

Mendahului senarai penerima istiadat, Menteri

Kewangan YB Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Besar Pahang YAB Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Pada istiadat ini seramai 15 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri, 41 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk, 21 individu dianugerahkan Darjah Johan Mahkota Wilayah (JMW), 26 orang menerima Kesatria Mahkota Wilayah (KMW), 11 individu dianugerahkan Ahli Mahkota Wilayah (AMW) dan 27 orang penerima pingat Pangkuhan Mahkota Wilayah (PPW).

Daulat Tuanku. **W K**



SERAMAI 143 individu dikurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021.



SUASANA sebelum majlis anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat.





WEEKDAY SURPRISES

29 MAC - 15 APRIL 2021



Putarkan Kejutan!

Belanja RM100 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai F&B atau fesyen terpilih untuk mendapatkan token pengeluaran hadiah kejutan anda.*

Sah pada hari bekerja (Isnin - Khamis)

* Tertakluk kepada terma dan syarat. Sementara stok masih ada.

Untuk informasi lanjut, kunjungi Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882


Kejutan Berganda Untuk Kakitangan Kerajaan

Terima token tambahan untuk mendapatkan lebih hadiah kejutan.*



Sertai kami di [Facebook](#) [Instagram](#) [AlamandaShoppingCentre](#) [www.alamanda.com.my](#)

PERADUAN MEWARNA PM108



Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di dalam akhbar WilayahKu di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2018@gmail.com
4. Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.
5. Tarikh tutup penyertaan kali ini adalah **01 APRIL 2021**.
6. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar WilayahKu **Bilangan 111**.

3

PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



KEPUTUSAN PERADUAN BILANGAN 102



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk ujibakat dan berpeluang untuk menyertai pasukan produksi **WILAYAHKU TV**.

DURASI VIDEO TIDAK LEBIH 2 MINIT.

Emailkan kepada:

wilayahku2018@gmail.com


Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM102 dari akhbar WilayahKu Edisi 102:

NUR ZARA ALISHA MOHD HAZMAN
(8 tahun)
Lembah Keramat,
Kuala Lumpur

ALYA HANI
(10 tahun)
Taman Melawati,
Kuala Lumpur

SITI NURANISSA
(10 tahun)
Bandar Tun Razak,
Kuala Lumpur




Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Teka Silang Kata TS102 dari akhbar WilayahKu Edisi 102:

THENIL A/P MUTHUSAMY
(36 tahun)
Banting,
Selangor

SHARMILA
(20 tahun)
Kulai,
Johor

SITI HAFSAH
(40 tahun)
Bukit Mertajam, Pulau Pinang



Keputusan pemenang juga diumumkan di portal dan laman Facebook WilayahKu.



Legasi 100 tahun New York di Nathan's KLCC



NAZWIN NAZRI

KEPINGAN daging stik hiris yang dipanggang bersama cendawan dan sayur-sayuran serta dilimpahkan dengan keju menjadikan *Philly Cheesesteak* Nathan's Famous menjadi 'kegilaan' pelanggan setianya.

Malah makanan yang terkenal di New York itu turut diperasarkan dengan sos istimewa yang pastinya mempunyai rasa meriah di samping aroma wangi daripada hasil daging panggang.

Bersaiz tujuh inci, makanan ringan yang berkoncepkan roti sosej itu mudah dinikmati serta mengenyangkan dan sesuai untuk kaum hawa yang sedang diet.

Menurut Pembantu Pengurus Nathan's

Malaysia, **Siti Zahariah Zakaria**, Nathan's Famous adalah jenama yang dibawa khas dari New York.

Ujarnya, jenama yang sangat terkenal itu juga sudah berusia lebih daripada 100 tahun dan bermula pada 1916.

"Sekarang sudah diperluaskan ke seantero dunia dan sudah lebih empat tahun jenama ini bertapak di Malaysia.

"Untuk makluman, terdapat empat outletnya di Lembah Klang iaitu di Suria KLCC, Paradigm Mall, Sunway Lagoon Theme Park dan food truck," katanya ketika ditemui *Wilayahku*.

Menceritakan tentang keistimewaan restoran ternama itu, kata Siti Zahariah, sosej yang ditawarkan di Nathan's

Famous menampilkan kelainan dan keunikan tersendiri kerana ia diperbuat daripada 100 peratus daging lembu.

Oleh itu, katanya, pelanggan

akan merasakan kemampatan daging berkenaan yang dikayakan dengan pelbagai jenis sos antaranya sos keju (*cheese sauce*) dan sos cili keju (*chilli cheese*).

"Lebih menarik adalah ia turut dipenuhi dengan kepingan daging halus sekali gus menjadikannya kaya dengan rasa serta menyelerakan.

"Selain itu, Nathan's Famous juga terkenal dengan *hotdog* yang mempunyai pelbagai *topping* serta kentang goreng.

"Kentang goreng yang dihidangkan mempunyai keistimewaan tersendiri kerana ia dipotong tebal yang menjadikannya rangup di luar dan gebu di dalam selepas digoreng dalam minyak jagung," ceritanya.

Mengulas tentang perancangan masa hadapan, ujar Siti Zahariah, pihaknya berhasrat memperluaskan jenama restoran ke seluruh Malaysia supaya rasa yang unik dan enak itu dapat dirasai semua pihak.

Tambahnya, harga yang ditawarkan adalah bermula RM7.50. **WK**



SITI ZAHARIAH



TEBAL, rangup di luar dan gebu di dalam adalah keistimewaan kentang goreng di Nathan's Famous.



Imbas
kod QR
untuk
menonton
video



SOSEJ yang diperbuat daripada 100 peratus daging lembu dan dikayakan dengan pelbagai jenis sos.

Musim indah Jakaranda di Taman Botani



AINI MAWAWI

KALAU di negara Jepun terkenal dengan keindahan pohon sakura, di Taman Botani Putrajaya pula diserikan dengan pohon Jakaranda yang begitu memukau pandangan pengunjung lebih-lebih lagi di bawah sinaran terik matahari. Taman Botani Putrajaya juga dikenali sebagai *Mother of All Garden* yang mewakili kesemua 12 Taman Metropolitan di Putrajaya.

Rimbunan pohon-pohon yang dipenuhi bunga-bungaan berwarna ungu yang terdapat di laluan Sigai Seri sepanjang lebih kurang 200 meter ini membawa diri ini seolah-olah berada di luar negara.

Dari kejauhan seakan berjalan di atas permaidani ungu yang menyambut kedatangan tetamu istimewa ditambah bau-bauan wangi yang menyegarkan.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Botani, Jabatan Landskap dan Taman, **Shafini Ashraq Karim**, pohon Jakaranda atau nama botani Jacaranda obtusifolia dari keluarga Bignoniaceae yang berasal dari kawasan sub tropika Amerika Selatan ini mampu mencapai 10 meter ketinggian.

"Spesies ini hidup subur di bawah sinar matahari penuh dan tanah berpasir, yang memberikan kelebihan pada mereka di kawasan iklim panas."

"Keunikannya terletak pada daun menyirip berpasangan (*bipinnate*) dan bunga-bunga lebat yang mampu dihasilkan di sepanjang dahan anak daun berselang-seling dengan luruhannya daun ini," ujarnya.

Tambahnya, pokok teduhan

dan landskap pinggiran jalan yang eksotik ini mempunyai dedaunan beropol dan berenda dengan jambak-jambak besar bunga-bunga bewarna biru muda, ungu tua dan muda yang seakan-akan jambul merak, menyerlah dan menarik minat kupu-kupu.

"Kerana itu, tidak hairanlah Jakaranda menjadi antara tarikan utama pengunjung untuk merakam foto di Taman Botani Putrajaya yang menempatkan lebih daripada 700 spesies tumbuhan dari benua berbeza ini.

"Ternyata Jakaranda memiliki pelbagai kegunaan selain keindahannya sebagai pokok teduhan pinggiran jalan di

Malaysia yang mana batangnya dimanfaatkan sebagai bahan pembinaan dan pertukangan kayu," ujarnya kepada *Wilayahku*.



SHAFINI ASHRAQ



PENGUNJUNG mengambil kesempatan merakam gambar di bawah pohon Jakaranda.

Pertandingan zon hijau bantu basmi COVID-19

AGENSI Pengurusan Bencana Negara (NADMA) merencanakan Program Pemeriksaan Komuniti-Agen Basmi COVID-19 (ABC) bagi membantu menurunkan kadar kes harian jangkitan wabak berkenaan yang masih mencatatkan angka ribuan pada masa ini.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata, antara idea yang dicadangkan menerusi pemeriksaan komuniti tersebut adalah pertandingan antara kampung bagi mengekalkan zon hijau bermula

April hingga September ini.

"Kerajaan bersetuju untuk melancarkan ejen basmi COVID-19 yang mana antara fungsi mereka adalah untuk memaklumkan pemimpin komuniti tentang pentingnya menjaga masyarakat daripada wabak dengan pematuhan SOP (prosedur operasi standard) dan sebagainya."

"Mereka juga bertanggungjawab mendapatkan pendaftaran bagi vaksin untuk komuniti yang berada di kawasan

pedalamatan atau kawasan yang sukar dicapai oleh kumpulan lain," katanya ketika ditemui selepas hadir pada program Santai Mesra Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Sallehuddin Hassan Bersama Media pada Jumaat.

Menurut Aminuddin, sejak program bersama komuniti dilancarkan Februari lepas, pihaknya melihat perubahan berlaku selain mendapat kes jangkitan harian turut mencatatkan penurunan.

Jelas beliau, fokus utama pada masa ini adalah menggunakan pendekatan dari bawah ke atas berbanding pada awal penularan wabak yang lebih menekankan penguatkuasaan undang-undang seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mengulas lanjut, beliau turut memaklumkan, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melancarkan Program Pemeriksaan Komuniti-Agen Basmi COVID-19 serta

menyampaikan Titah Diraja pada 29 Mac ini secara siaran langsung di saluran televisyen.

"Antara inti pati program tersebut adalah untuk memaklumkan kepada masyarakat agar bersama-sama menjaga komuniti sekeliling dan keluarga masing-masing daripada risiko jangkitan COVID-19," katanya sambil menambah NADMA juga akan berjumpa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada 23 Mac ini bagi mendapatkan bekerjasama untuk mendekati komuniti. **WK**

Penunggang agama barah dalam masyarakat



DEEL ANJER

PENUNGGANG agama membawa maksud mana-mana individu yang mempergunakan agama bagi menghalalkan tindak-tanduk mereka.

Tidak dinafikan, terdapat sesetengah masyarakat mudah mempercayai sesiapa yang memegang status ustaz atau ustazah tanpa mengetahui latar belakang kehidupannya.

Bukan saja memegang status 'ustaz', malah ada yang berpakaian lengkap seperti memakai jubah, kopiah atau serban untuk menambahkan kepercayaan masyarakat terhadapnya.

Kata-kata yang berbentuk nasihat dengan menyertakan sedikit sebanyak ayat al-Quran menyebabkan ramai orang awam terpedaya dengan 'wataknya'.

Apa yang menyediakan penunggang agama ini telah merosakkan imej agamawan yang betul-betul memperjuangkan agama Islam dalam kehidupan.

Untuk itu, antara langkah berkesan bagi mendorong orang ramai berhati-hati dengan penunggang agama ini adalah melalui filem.

Terbaru, filem Penunggang Agama yang sudah ditayangkan di Astro



POSTER filem Penunggang Agama.

First bermula 25 Mac baru-baru ini mengandungi banyak mesej positif yang berguna kepada masyarakat.

Antaranya adalah tidak mudah mempercayai seseorang yang berlakon alim serta segala pertolongan hendaklah dipohon kepada Allah bukannya daripada sesama makhluk.

Antara pelakon yang menjayakan filem arahan Syafiq Yusof ini adalah Zul Ariffin, Nasir Bilal Khan, Azira Shafinaz, Salina Saibi, Johan As'ari, Sabrina Ali, Datuk Jalaluddin Hassan dan ramai lagi.

astro first



BARISAN pelakon yang menjayakan filem Penunggang Agama, dari kiri Sabrina Ali, Zul Ariffin, Azira Shafinaz, dan Salina Saibi.



AZIRA SHAFINAZ

Azira Shafinaz ajak umat Islam mohon bantuan Allah

PELAKON Azira Shafinaz, 29, yang membawa watak sebagai Ustazah Ana berharap masyarakat tidak terlalu obses terhadap manusia kerana semuanya datang daripada Allah.

Bagi Azira, jangan kerana seseorang itu hebat dalam ilmu perubatan tradisional, kita terus percaya tanpa usul periksa tentang latar belakangnya.

"Saya tidak pernah berjumpa dengan orang sebegitu tapi sering mendengar cerita-cerita daripada orang lain."

"Isu penunggang agama ini sebenarnya agak sensitif. Apa yang saya boleh cakap adalah semuanya berbalik kepada kita sendiri."

"Sebagai orang Islam, apa yang kita belajar selama ini perlulah difahamkan betul-betul. Kalau lihat contoh dalam filem Penunggang Agama ini, pengajarannya adalah kita wajib yakin dengan Allah. Bukan kita percaya apabila manusia tolong kita, sesuatu itu akan menjadi lebih baik."

"Jadi, janganlah terlalu obses terhadap seseorang kerana dibimbangi mereka adalah golongan penunggang agama yang mempunyai motif lain seperti mahu cepat kaya dengan mengubati penyakit misteri," jelas Azira.

Orang tinggi ilmu agama selalu diuji - Zul Ariffin

PELAKON Zul Ariffin, 35, yang memegang watak sebagai Amir dalam filem Penunggang Agama berpendapat golongan agama sering diuji dengan apa yang mereka miliki.

"Golongan ini (penunggang agama) memang wujud dalam masyarakat kita. Ada orang diuji dengan wang ringgit ada pula yang diuji dengan ilmu seperti golongan agamawan."

"Orang yang tinggi ilmu agama sepatutnya lebih merendah diri dan takut kepada Allah. Namun hari ini kita lihat, ada sesetengah daripada mereka menjadi penunggang agama iaitu menggunakan kelebihan yang ada untuk kepentingan diri," jelas Zul yang melihat situasi tersebut sering berlaku pada masa ini.

Ada yang menggunakan agama untuk cepat kaya, mendapatkan pengaruh, memuaskan nafsu sendiri dan banyak lagi.

Zul juga menegaskan, masyarakat tidak memandang serong terhadap golongan ustaz yang betul-betul memperjuangkan agama Islam.

"Penunggang agama ini tidak semestinya dalam kalangan ustaz, kadang-kadang orang yang ada ilmu sedikit pun mengaku dirinya ustaz kerana mahu dipercayai ramai."

"Sebenarnya kami tak mahu menyentuh sesiapa dalam filem ini. Jauh sekali ditujukan kepada mana-mana pihak. Rasanya ramai yang tahu isu ini secara umum."

"Saya sendiri sebagai pelakon menganggap filem ini mencabar kerana bimbang ia boleh menimbulkan sensitiviti dalam masyarakat," ujarnya lagi.



ZUL'ARIFFIN

Syafiq Yusof sedih masyarakat percayakan bomoh

PENGARAH filem Penunggang Agama, **Syafiq Yusof**, 28, mengaku sedih dengan sikap masyarakat yang mudah tertipu dengan bomoh dan bukannya ustaz yang berpandukan al-Quran.

"Filem ini adalah berdasarkan kisah benar tapi saya olah lagi untuk nampak lebih menarik."

"Saya memilih genre sebegini dengan elemen Islamik kerana cabarannya berbeza. Di mana banyak rujukan yang perlu saya buat terutamanya pada penghasilan skrip dan adegan."

"Isu konflik penunggang agama itu sendiri juga memang dekat dengan masyarakat dan saya cuba menyampaikan mesej-mesej yang diharap boleh dijadikan sebagai pengajaran buat kita semua."

"Dalam filerni, saya lebih tonjolkan watak bomoh Tok Haji (lakonan Nasir Bilal Khan)."

"Saya nak tunjukkan inilah realiti yang berlaku di Malaysia. Kadang-kadang sudah terang-terangan orang itu bomoh, tetapi orang tetap mempercayainya."

"Orang yang macam Tok Haji ini saya pernah jumpa. Saya dikaikan dia baik, tetapi sebaliknya," luah Syafiq yang juga anak kepada Datuk Yusof Haslam dan adik kepada Syamsul Yusof. **WK**



SYAFIQ YUSOF

DPDKL 2021

bukti buku kekal relevan

AFIFAH AFIZAL

PELAJAR di Malaysia sering kali didekak dengan slogan ‘Membaca Jambatan Ilmu’ di blok bangunan sekolah maupun oleh guru yang mengajar untuk menunjukkan betapa pentingnya amalan membaca terutamanya di negara ini.

Kepentingan amalan membaca telah mula disemai dan diperaktikkan oleh rakyat Malaysia sejak dari usia yang kecil lagi jadi tidak hairanlah Malaysia berada dalam kedudukan ke-53 negara paling cekik huruf dunia pada 2016, menurut kajian Central Connecticut State University di Amerika Syarikat.

Pada 18 Mac yang lalu, Dialog Penerbit Dunia 2021 (DPDKL 2021) telah diadakan secara dalam talian menerusi *Facebook Live* bersempena dengan Kuala Lumpur Ibu Kota Dunia bagi tahun 2020.

Dialog ini merupakan hasil anjuran sekretariat Kuala Lumpur World Book Capital (KLWBC) bersama Persatuan Penerbit Malaysia (MABOPA) dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Pengarah Majlis Buku

Kebangsaan Malaysia (MBKM), Mohd Khair Ngadiron, berkata, dialog ini adalah bukti bahawa buku masih kekal relevan dalam memperkuuh budaya membaca rakyat Malaysia dan memperkasa industri perbukuan negara.

“Matlamat utama penganjuran DPDKL 2021 ini ialah untuk mengenal pasti kebolehsuaian dan potensi penerbitan buku mendepani era digital serta memperkemas susun atur dan kesiasiaaan pengurusan perubahan agar buku tetap kekal relevan menjadi perusahaan budaya yang terpenting di negara ini,” katanya dalam satu kenyataan.

Meskipun baru pertama kali diadakan, DPDKL 2021 ini turut didokumentasikan dalam sejarah perbukuan negara kerana telah berjaya menghimpunkan seramai 21 pembentang dari dalam dan luar negara yang tampil membincangkan isu-isu berkaitan industri buku, tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, tema dan topik yang dibentangkan juga sesuai dengan keadaan semasa di mana dunia sekarang sedang berhadapan dengan wabak pandemik COVID-19 yang telah menjaskan banyak

sektor perindustrian tempatan dan luar.

Mohd Khair berkata, fokus utama DPDKL 2021 ini adalah keadaan industri buku di era pasca pandemik yang boleh dijadikan platform kepada penggiat industri, khususnya, untuk berusaha secara kolektif dan kolaboratif dalam menghadapi cabaran.

“Untuk orang awam, secara amnya, diharap DPDKL 2021 dapat membuka minda dan mendedahkan mereka kepada selok-belok dunia buku yang penuh dengan ilmu pengetahuan yang berharga,” katanya lagi.

Di samping itu, beliau turut menggesa industri tempatan untuk memperbanyakkan lagi kerjasama untuk meletakkan bidang perbukuan Malaysia di tahap yang lebih tinggi lagi.

“Penerbit pula harus terus mencari ruang dan peluang mendalamai ilmu pengetahuan dan kemahiran demi memajukan dunia penerbitan seiring dengan kepesatan teknologi.

“Begitu juga kepada industri agar memperbanyak lagi inisiatif dan kolaboratif dalam bidang perbukuan tempatan dan luar negara agar hasil kerjasama



PENGARAH Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Mohd Khair Ngadiron.

yang dapat merapatkan lagi hubungan kenegaraan yang akhirnya menghasilkan impak perbukuan yang lebih besar, tekal dan konsisten serta berkualiti,” tambahnya lagi.

Seterusnya, Kuala Lumpur telah diberikan pengiktirafan oleh *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) sebagai Ibu Kota Dunia tahun lalu selepas Sharjah (2019), dan Athens (2018).

Pengiktirafan sebelumnya telah diberikan kepada Madrid (2001), Alexandria (2002), New Delhi (2003), Anvers (2004), Montreal (2005), Turin (2006), Bogota (2007), Amsterdam (2008), Beirut (2009), Ljubljana (2010), Buenos Aires (2011), Erevan (2012), Bangkok (2013), Port Harcourt (2014), Incheon (2015) dan Wroclaw (2016).

Kata Mohd Khair, pengiktirafan ini telah diberikan kerana Kuala Lumpur merupakan ibu kota

yang mempunyai tumpuan yang tinggi terhadap pendidikan inklusif, pembangunan masyarakat berasaskan pengetahuan dan bacaan yang mudah dicapai untuk semua bahagian penduduk bandar.

Sehubungan dengan itu, Kuala Lumpur perlu melaksanakan aktiviti perbukuan, kesusastraan dan gerakan membaca selama setahun mulai 23 April 2020 sehingga 22 April 2021.

Dialog ini turut menjadi acara pembuka tirai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2021 (PBAKL) dalam talian Terbesar di Malaysia yang sedang berlangsung bermula pada 19 Mac sehingga 4 April 2021.

Sehingga kini, seramai 111 pemamer telah mendaftar dan mengambil bahagian dalam PBAKL dan dijangka dapat mensasarkan sekurang-kurangnya 100 ribu unit jualan buku berdasarkan kiraan purata yang dihasilkan pada tahun lalu. **WK**

RESENSI

Pahlawan Tegar Merdeka



SHAH RIZAL AZWAN GHAZALI
Perancang Bahasa DBP


BUKU Pahlawan Tegar Merdeka memaparkan perjuangan anggota pasukan keselamatan membanteras kegiatan subversif Parti Komunis Malaysia (PKM) di Malaysia. Buku ini terdiri daripada dua bahagian.

Bahagian I mengandungi lima bab yang menghuraikan gerakan PKM mengangkat senjata. Gerakan ini melibatkan dua fasa, iaitu pada tahun 1948 hingga 1960 dan pada tahun 1967 hingga 1989. Turut disentuh tindakan balas pihak British dan Negeri Melayu untuk menangani kegiatan subversif PKM. Turut disentuh pelibatan Parti Komunis Sarawak dan sekutunya sehingga peristiwa bersejarah perjanjian damai ditandatangani pada 2 Disember 1989 di Haadyai, Thailand.

Kisah yang paling menarik terdapat dalam Bahagian II. Sebanyak 61 kisah pertempuran melibatkan anggota pasukan keselamatan diceritakan secara terperinci. Bukan mudah memikul beg seberat 30 – 50 kg sambil mengusung senjata meredah hutan banat, paya, gunung, lurah sambil mata cermat mengawasi keadaan sekeliling. Perlu kita ingat, hutan banat itu kawasan permainan komunis, yang memburu kadangkala diburu. Jika alpa walau sesaat, nyawalah yang menjadi galang gantinya. Kisah pertempuran sebegini memang wajar diterbitkan agar dapat dijadikan rujukan generasi yang akan datang. Perkara yang paling penting ialah pengorbanan anggota pasukan keselamatan tidak dilupakan dan sewajarnya terus dikenang serta dijulang sebagai wira negara. Kehidupan mereka selepas bersara wajar mendapat pembelaan. **Angkatan Tentera Malaysia**

(ATM) menyambut ulang tahun penubuhannya pada 1 Mac, manakala Polis Diraja Malaysia pula menyambut hari ulang tahunnya pada 25 Mac pada saban tahun. Kedua-dua pasukan keselamatan ini telah berganding bahu mempertahankan kedaulatan bumi tercinta ini.

Kemakmuran dan keselesaan hidup yang kita nikmati daripada kemerdekaan negara merupakan hasil keringat, darah dan air mata pejuang terdahulu. Begitu ramai anggota pasukan keselamatan dan juga orang awam yang kehilangan nyawa akibat perbuatan subversif pengganas komunis durjana. Tidak termasuk mereka yang cedera dan kehilangan anggota tubuh yang menderita hingga ke akhir hayat. Hargai dan pertahankanlah kemerdekaan yang dikecapi supaya sejarah hitam tidak berulang, demi kelangsungan hidup anak cucu kita. **WK**



JaPen Labuan mempelbagaikan medium penyampaian maklumat menerusi IOW Street Buskers

Busker sampaikan maklumat COVID-19



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PROGRAM Info On Wheels (IOW) Street Buskers Jabatan Penerangan Labuan komited dalam menyampaikan maklumat penting kepada masyarakat dengan mempelbagaikan lagi corak dan medium penyampaian maklumat tersebut.

Pengaruhnya, **Supian Musa** berkata, program itu merupakan salah satu usaha jabatan itu untuk mempelbagaikan pendekatan dalam menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih santai.

"Kita sentiasa memikirkan idea atau cara baharu untuk menjalankan peranan jabatan untuk menyalur serta menyebarkan maklumat atau inisiatif kerajaan kepada golongan sasaran."

"Menerusi kumpulan busker ini juga kita yakin dengan kemampuan mereka menarik minat orang



AMIR (hujung kiri), Supian (dua dari kanan) bersama busker ketika program IOW di Ramsey Point, pada Sabtu.

ramai dengan maklumat-maklumat semasa yang penting seperti Proklamasi Darurat, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan Pembudayaan Norma Baharu," katanya semasa menghadiri program itu di Ramsey Point, pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengerusi

Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussien.

Menurut beliau lagi, selain masyarakat dapat menerima maklumat atau informasi penting semasa berhibur, pihaknya juga membuat edaran bahan-bahan penerbitan Jabatan Penerangan Malaysia kepada para pengunjung



AMIR (tengah) menyerahkan buku maklumat mengenai Proklamasi Darurat, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan Pembudayaan Norma Baharu kepada orang awam.

di setiap lokasi program itu.

"Kami turut mengedarkan bahan-bahan penerbitan Jabatan Penerangan yang berkaitan pelbagai isu serta dasar-dasar semasa kerajaan selain boleh berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat sekali gus mendapatkan pelbagai input

berguna untuk disampaikan kembali kepada pihak kerajaan," jelasnya.

Tambahnya, IOW Street Buskers itu jelasnya akan dijalankan di beberapa lokasi lain antaranya Taman Damai Layang-Layangan, Batu Manikar dan Medan Selera Labuan. WK

Daftar vaksin: MPP Labuan jalin kerjasama dengan JKNWPL

MAJLIS Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan bakal bekerjasama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (JKNWPL) dalam membantu masyarakat di pulau ini mendapat suntikan vaksin COVID-19.

Pengerusinya, **Dzulfaizal Ab Manan** berkata, pihaknya akan membantu masyarakat di setiap kampung untuk mendaftarkan diri menerusi dua keadaan iaitu melalui pendaftaran di aplikasi MySejahtera dan pendaftaran secara manual dengan menggunakan borang yang telah diagihkan kepada setiap Ketua-Ketua Kampung.

"Bagi penduduk kampung yang belum mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin boleh lah berhubung dengan Ketua-Ketua Kampung masing-masing untuk mendapatkan borang pendaftaran suntikan vaksin," katanya.

Beliau berkata sedemikian pada Program Kayuhan Amal Bersama Pemimpin tahun 2021 anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan di Balai Raya Kampung Lubuk Temiang, pada Ahad lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Negara merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Senator Datuk Bashir Alias, Pengerusi Perbadanan Labuan Datuk



BASHIR (tengah) bersama Amir (dua dari kiri) menyampaikan bantuan MYBeras kepada penduduk yang terkesan di Majlis Kayuhan Amal Pemimpin di Balai Raya Kg Lubuk Temiang, pada Ahad lalu.

Seri Amir Hussein, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan Rithuan Ismail.

Terdahulu, pada majlis yang sama, sebanyak 160 kampit MYBeras turut diagihkan kepada penduduk yang terkesan susulan pandemik COVID-19.

Penyampaian MYBeras disempurnakan oleh Senator Datuk Bashir Alias diiringi Datuk Seri Amir Hussein.

Menurut Dzulfaizal, setakat ini pihaknya menerima 2,500 borang pendaftaran telah diisi

dan ia akan diselaraskan dalam data MySejahtera.

Sementara itu, Rithuan Ismail turut memaklumkan bahawa sehingga kini seramai 23,000 individu sudah pun dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PIJK).

Katanya, walau bagaimanapun bilangan itu masih kecil kerana memandangkan penduduk di Labuan mencecah sejumlah 103,000 dan jumlah itu adalah jumlah yang disasarkan bagi menerima suntikan vaksin itu. WK



TUAN Pengetua SMKRR, Ustaz Wan Azman Wan Awang (tengah) turun padang memantau kelancaran program itu.

Bantuan awal sekolah beri manfaat kepada 216 pelajar

SERAMAI 216 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rancha-Rancha kategori B40 menerima Bantuan Awal Persekolahan (BAP) bagi persiapan barang kelengkapan persekolahan sebelum pembukaan sesi persekolahan.

Pengetuanya, **Wan Azman Wan Awang** berkata, agihan BAP yang dilaksanakan adalah usaha baik bagi membantu meringankan beban dan tanggungan ibu bapa yang terjejas akibat pandemik masa kini.

Katanya, objektif pemberian bantuan itu adalah meringankan beban ibu bapa pelajar dalam menyediakan barang kelengkapan persekolahan anak mereka memandangkan sesi

persekolahan akan dibuka pada awal bulan April ini.

"Bantuan ini juga diagihkan kepada murid yang berkelayakan, yang diharapkan dapat membantu dalam urusan harian murid dan keluarga."

"Bantuan ini diberikan kepada murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 atau yang setaraf dengannya dari kalangan keluarga yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah," katanya kepada Wilayahku pada Program agihan Bantuan Awal Persekolahan di SMK Rancha-Rancha, baru-baru ini.

Justeru itu, beliau berharap bantuan itu dapat digunakan sebaik mungkin oleh ibu bapa demi kelangsungan persekolahan dan kecermerlangan anak-anak mereka. WK

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Seni Jahitan Kreatif antara program memperkasa ekonomi

SYAHIDI BAKAR

PROGRAM Pemerksaan Ekonomi Bumiputera digembleng secara usaha sama oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan SME Corp serta beberapa agensi lain, adalah sebahagian inisiatif prihatin yang diambil bagi membantu rakyat.

Kali ini, program dilaksanakan dalam komuniti itu menfokuskan kemahiran seni jahitan kreatif yang boleh disertai penduduk setempat yang berminat mengembangkan bakat masing-masing.

Malah, lebih penting kata Pengurus MPPWP Zon Lembah Pantai, **Datuk Tengku Zuhri Tengku Abd. Aziz**, bidang seni jahitan



TENGKU ZUHRI

juga berpotensi diterokai penduduk untuk menjana pendapatan tambahan. Beliau berkata, melihat kepada keperluan semasa penduduk terutama

golongan B40, yang terkesan akibat situasi pandamik COVID-19, maka inisiatif Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera itu sangat disokong serta dihargai pengjurannya.

"Program ini sebahagian inisiatif prihatin dengan tumpuannya membantu rakyat tingkatkan hidup melalui asas kemahiran dan keusahawanan Seni Jahitan Kreatif.

"Program berlangsung pada 24 dan 25 Mac

telah menetapkan syarat penyertaannya warganegara dan bertaraf bumiputera, selain individu perlulah dalam kelompok B40 yang tinggal di PPR atau PA sekitar Kuala Lumpur dengan keutamaan kepada pemohon berusia 18 hingga 40 tahun," katanya.

Pelaksanaan program secara bersasar tertumpu kepada kelompok rakyat B40 yang memerlukan dengan objektifnya membantu mereka menjana pendapatan untuk kelangsungan hidup.

Menurut Tengku Zuhri, warga penduduk penuhi pra syarat penyertaan digalakkan mengambil peluang disedia kerana kemahiran menjahit satu kelebihan bagi menambah pendapatan melalui Seni Jahitan Kreatif. **WK**



KEMAHIRAN menjahit antara kelebihan untuk menjana pendapatan tambahan bagi golongan B40.

MAIWP, MPPWP bantu mualaf sakit

MOHD TAUFIK PAUZE

PENDERITAAN seorang mualaf, Abdul Rahman Kumaru Veli yang sakit dan menumpang tidur di surau mendapat perhatian Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan MAIWP serta MPPWP Sub Zon 1 Bandar Tun Razak (BTR).

Wakil MAIWP bersama Pengurus MPPWP Sub Zon 1 BTR, **Abu Hassan Shaari Yop** berhasrat membantu mencari tempat tinggal dan menguruskan hal perubatan Abdul Rahman.

Abdul Rahman yang memegang kad OKU,

menumpang tinggal di Surau Flat Sri Pulau Pinang sejak dua tahun lalu selepas memeluk Islam dan diajui oleh keluarga asalnya.

Kegetiran hidupnya bertambah bila menghadapi penyakit angin pasang (Inguinal Hernia) yang menyebabkan kesakitan dan menyukarkan pergerakan.

Menurut Abu Hassan, beliau baru sahaja mengetahui keadaan Abdul Rahman setelah dikhaskan oleh AJK surau tersebut.

Berikut itu pada pada Isnin, beliau bersama Setiausaha MMPWP BTR,

A. Azhari Abu Adam dan Pegawai Tugas-tugas Khas Ahli Parlimen BTR, Kuek Po Guan mengambil langkah segera menghubungi pihak MAIWP.

Wakil MAIWP yang turut mengunjungi Abdul Rahman bersetuju untuk membantu dari sudut pembayaran bil perubatan, sewa rumah dan bantuan tunai bulanan kepadanya.

"Kami akan menguruskan ambulans untuk menghantar Abdul Rahman ke hospital supaya penyakitnya dapat dirawat dengan segera," jelas Abu Hassan. **WK**



DUDUK dari kanan: Abdul Rahman, Abu Hassan, Kuek, Azhari dan wakil MAIWP.

Jom Kerja: Perkeso beri peluang teroka pasaran kerjaya

INISIATIF penganjuran program Jom Kerja oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) amat bermanfaat dalam membantu warga masyarakat yang hilang pekerjaan, menempatkan semula diri dalam pasaran kerjaya semasa.

Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 3, Setiawangsa, **Ubaid Abd.**

Akla berkata, program yang diadakan dengan kerjasama MPPWP itu memberi peluang kepada penduduk sekitar Setiawangsa meneroka peluang kerjaya yang sesuai.

Katanya, program berlangsung sehari bermula 9 pagi hingga 4 petang, 20 Mac mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai yang berminat mencari pekerjaan bersesuaian yang ditawarkan oleh pelbagai pihak majikan. "Terutama sekali, terima kasih diucapkan kepada Perkeso Kuala Lumpur yang tampil memulakan,



PENGUNJUNG yang hadir ke sesi temuduga Program Jom Kerja anjuran Perkeso di Dewan PPR Seri Semarak, Kuala Lumpur.



program Jom Kerja dengan fokusnya membantu orang awam di sekitar Projek Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat mencari kerja.

"Inisiatif murni ini sangat bermanfaat malah akan membantu mereka yang hilang pekerjaan akibat pandamik COVID-19, kembali mulakan kerjaya," katanya mengulas mengenai Program Jom Kerja di Dewan Terbuka PPR Seri Semarak, di sini.

Dianggarkan ratusan orang ramai tidak melepas peluang mencari dan merebut kekosongan kerja ditawar apabila menyertai Program Persediaan Temu Duga-Sesi Profiling.

Sementara itu, Perkeso menyeru semua pihak termasuk graduan, pekerja yang hilang pekerjaan, lepasan sekolah dan individu berminat mencari pekerjaan untuk hadir sesi *profiling* diadakan bagi memudahkan maklumat pemohon direkod serta disuaikan dengan kekosongan kerja yang ada. **WK**

Status amalan sunat hari Jumaat semasa PKP atau PKPB

**SOALAN**

A SSALAMUALAIKUM SS Datuk Mufti. Saya ada persoalan berkenaan solat Jumaat dalam tempoh Covid-19 ini. Adakah masih boleh mendirikan lagi amalan-amalan sunat pada hari Jumaat, jika tergugurnya solat Jumaat disebabkan situasi seperti PKP atau PKPB?

Mohon penjelasan. Terima kasih.

JAWAPAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT Tuhan semesta alam, selawat serta salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta mereka yang mengikuti jejak langkah Baginda SAW hingga ke hari Kiamat.

Bagi menjawab persoalan di atas, kami kemukakan jawapan seperti berikut :

Pertamanya, Allah SWT mengganjari sesuatu amalan berdasarkan kepada niat seseorang. Hal ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Umar al-Khattab RA, bahawa Rasulullah bersabda:

Maksudnya: Sesungguhnya setiap perbuatan berdasarkan kepada niat dan setiap orang itu dianjari berdasarkan apa yang diniatkannya.

Barangsiapa yang hijrahnya dilakukan kerana Allah SWT dan rasul-Nya, maka hijrahnya itu untuk Allah SWT dan rasul-Nya.

Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia atau perempuan yang ingin dikahwininya, maka hijrahnya adalah untuk apa yang

dihijrahkan kepadanya.

Hadith riwayat al-Bukhari: (6689)

Begitu juga, di dalam kaedah fiqh menyebutkan bahawa:

Maksudnya: Setiap perkara itu adalah berdasarkan kepada niatnya (tujuan).

Oleh itu, Allah SWT akan mengganjari seseorang jika perbuatan mereka itu diniatkan semata-mata kerana Allah SWT dan Rasul-Nya. Dengan kata lain, ia termasuk dalam kategori ibadah dan amalan kebaikan.

Kedua, galakan untuk menghidupkan amalan-amalan sunat pada hari Jumaat bukanlah kerana adanya solat Jumaat pada waktu siangnya.

Sebaliknya, ia dianjurkan bagi meraikan kemuliaan sepanjang hari tersebut. Begitu juga dengan bulan Ramadhan apabila kemuliaan bulan itu bukanlah bergantung sepenuhnya kepada ibadah berpuasa di dalamnya.

Hakikatnya, jika seseorang itu tidak dapat berpuasa kerana uzur atau bermusafir, mereka masih berpeluang memperoleh ganjaran yang dijanjikan Allah SWT melalui ibadah-ibadah lain di dalamnya.

Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Sebaik-baik hari yang terbit matahari padanya ialah hari Jumaat. Pada hari tersebut diciptakan nabi Adam AS, dia dimasukkan ke dalam surga dan dia dikeluarkan daripadanya.

Dan pada hari tersebut, terdapat satu waktu yang mana jika seseorang muslim berdiri mendirikan solat dan berdoa kepada Allah SWT akan

sesuatu hajatnya, nescaya Allah SWT akan memberi apa yang dihajatkannya tersebut.

**SUNNAH JUMAAT
MEMBACA SURAH AL KAIFI**

Barangsiapa yang membaca surat Al Kahfi pada hari Jumaat dia akan disinari cahaya di antara dua Jumaat (HR. An Nasai' dan Baihaqi. Sahih, Shohihul Jam'i No. 6470)

Barangsiapa yang membaca surat Al Kahfi pada malam Jumaat dia akan disinari cahaya antara dia dan Kaabah (HR. Ad Darimi. Sahih, Shohihul Jam'i No. 6471)

MEMBACA surah al-Kahfi adalah sunat hari Jumaat.

sesuatu hajatnya, nescaya Allah SWT akan memberi apa yang dihajatkannya tersebut.

Hadith riwayat al-Bukhari: (935)

Justeru, amalan-amalan pada hari Jumaat masih lagi sunat untuk diamalkan seperti membaca surah al-Kahfi, mandi sunat Jumaat, memenuhi hari dengan ibadah, memakai pakaian putih dan wangi-wangian. Perbuatan ini juga sebagai tanda untuk memuliakan dan mengagungkan hari Jumaat dan mengikuti sunnah Nabi SAW.

Ketiga, Allah SWT bersifat dengan sifat Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Allah SWT akan mengganjari setiap orang mukmin yang melakukan amal soleh ikhlas semata-mata kerananya. Ini bersandarkan kepada firman Allah SWT:

Maksudnya: Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik,

dan sesungguhnya kami akan membalsas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

(Surah an-Nahl: 97)

Dalam mentafsirkan ayat ini, Imam al-Tabari telah menjelaskan bahawa barangsiapa yang melakukan amalan ketaatan dan menyempurnakan janji-janjinya kepada Allah SWT, nescaya Allah SWT akan mengurniakan kepada dirinya kehidupan yang baik. (Rujuk Tafsir al-Tabari, 14:350)

Merujuk kepada situasi semasa, pelaksanaan PKP dan PKPB menyebabkan amalan-amalan seperti memperbanyakkan langkah ke masjid, datang lebih awal ke masjid, mendengar khutbah, solat tahiyyatul masjid dan iktikaf tidak dapat dilaksanakan mengikut kebiasaan.

Walau bagaimanapun, amalan-amalan sunat yang tidak berkaitan dengan solat Jumaat, maka ia boleh diamalkan seperti biasa.

Antaranya seperti membaca surah al-Kahfi dan lain-lain. Hal ini berdasarkan kepada kaedah yang menyebutkan bahawa:

Maksudnya: Apa yang tidak mampu untuk dilakukan kesemuanya, janganlah ditinggalkan kesemuanya atau sebahagian besar daripadanya (yang mampu dilakukan).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dan perbahasan di atas, kami menyimpulkan bahawa amalan-amalan sunat pada hari Jumaat yang tidak berkait secara khusus dengan solat Jumaat, masih lagi dikira sebagai sunat untuk dilakukan.

Antaranya seperti mandi sunat Jumaat, membaca surah al-Kahfi, memperbanyakkan zikir, selawat ke atas Baginda SAW dan sebagainya. Hal ini kerana kelebihan terhadap amalan ini adalah bergantung kepada kemuliaan dan keagungan hari Jumaat. Ia boleh dilakukan sepanjang hari tersebut meskipun solat Jumaat tidak dapat dilaksanakan.

Manakala amalan-amalan sunat yang berkait secara langsung dengan solat Jumaat pula seperti berjalan kaki ke masjid, datang lebih awal ke masjid, mendengar khutbah, duduk beriktitif di masjid dan lain-lain kesemuanya akan lenyap dengan sebab ketiadaan solat Jumaat itu.

Meskipun tempoh PKP dan PKPB menghalang daripada melakukan amalan-amalan sunat tersebut, namun janganlah pula diabaikannya secara keseluruhan.

Sebaliknya, hendaklah memanfaatkan sebaik mungkin masa lapang yang ada untuk menambah amalan kebaikan serta tidak mensia-siakan waktu ini dengan amalan yang tidak berfaedah.

Semoga Allah SWT memberikan kita kefahaman yang sahih dalam memahami syariat-Nya serta taufiq dan hidayah untuk melaksanakan ibadah ikhlas semata-mata kerana-Nya. Amin.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

50,000 naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:


Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]	
FULL PAGE	26cm X 33cm RM7,500
HALF PAGE	26cm X 17cm RM5,500
QUARTER PAGE	12cm X 17cm RM4,500
PANEL PAGE [INNER]	26cm X 6cm RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]	
FRONT BANNER 1000px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1000px X 280px	RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

Bukan mudah bina kejayaan tanpa semangat berpasukan

Ragbi bentuk keperibadian Nur Amira



AINI MAWAWI

SEMANGAT berpasukan adalah hal penting yang perlu diterapkan sesama ahli pasukan. Tanpa keserasian antara satu sama lain maka tidak mustahil wujudnya kelemahan dalam menentang lawan.

Itulah prinsip yang dipegang atlet ragbi Wilayah Persekutuan, Nur Amira Nassan, 21.

Baginya nilai semangat berpasukan sesuatu yang sangat bernilai dan sukar untuk dicari.

"Bagi saya, ahli kumpulan perlu 'mencuri' masa berkualiti bersama biarpun sekejap. Misalnya kami selalu keluar bersama-sama menonton wayang ataupun makan selain daripada berjumpa semasa latihan."

"Jika ada di antara ahli yang mempunyai masalah,



maka sebagai rakan sepasukan, kami akan cuba untuk menyelesaikan masalah tersebut secepat mungkin dengan pelbagai cara," ujarnya yang berada di posisi forward.

Bercerita lanjut tentang sukan ragbi, atlet Labuan ini berhasrat untuk melayakkan diri dalam tim ragbi Malaysia. Bagi merealisasikan impian tersebut, dia banyak menghabiskan masa dengan latihan di padang.

"Ragbi merupakan permainan yang memerlukan strategi. Namun penyusunan untuk menewaskan lawan bukanlah suatu yang mudah. Bantuan daripada ketua pasukan dan jurulatih amat penting," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Ditanya mengapa memi-

lih sukan yang berisiko tinggi untuk berdepan dengan kecederaan, anak bongsu daripada sembilan orang adik-beradik ini mengakui dia seorang yang lasak.

"Saya mula menyertai ragbi sejak di bangku sekolah lagi. Sukan ini banyak membentuk keperibadian saya sebagai seorang pemimpin biarpun saya merupakan anak bongsu yang manja," ujarnya yang menyertai atlet Wilayah pada tahun 2018.

Memandang jauh ke hadapan, atlet yang bertubuh tegap ini bercita-cita untuk bergelar seorang tukang masak profesional di Malaysia suatu hari nanti.

"Saya sedang mengintai peluang untuk menyambung pelajaran dalam bidang kulinari. Mungkin dalam tahun ini juga akan memulakan pengaji-



NUR AMIRA

Pencapaian Nur Amira

2020 – NRPD UPM – Johan

2019 – Perlawanan Persahabatan Universiti Chulalongkorn, Bangkok – Tempat Kedua

2019 – National 7 Side, Ipoh – Johan

2018 – SUKMA – Tempat Kelima

Facebook : [nuramiranassan](#)
TikTok: [mira.ss](#)

an. Walaubagaimanapun saya akan tetap aktif dalam sukan ini," ujarnya. **WK**

Zii Jia selamat tiba di tanah air, mula jalani kuarantin selama tujuh hari

WIRA badminton negara, Lee Zii Jia selamat tiba di tanah air petang ini, selepas kejayaan merangkul gelaran perseorangan lelaki Kejohanan Badminton All England, Ahad lepas.

Pemain berusia 22 tahun itu yang menaiki pesawat Turkish Airlines, mendarat pada 4.45 petang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bersama-sama skuad negara.

Selepas selesai menjalani proses pemeriksaan kastam dan imigresen, Zii Jia, pasangan beregu wanita Pearly Tan-M. Thinaah yang menjuarai Terbuka Switzerland serta Pengarah Kejurulatihan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Wong Choong Hann keluar ke Balai Ketibaan pada kira-kira 6 petang tadi.

Turut hadir menyambut kepu langan skuad negara adalah Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Ahmad Shapawi Ismail dan Setiausaha Agung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Datuk Kenny Goh.

Skuad negara kemudian meluangkan masa beberapa minit untuk sesi fotografi bersama media dengan mematuhi penjarakan fizikal dan menyelesaikan proses sanitasi bagasi, sebelum menaiki bas untuk ke pusat kuarantin. Tiada sesi temu ramah diadakan.

Juara Sukan SEA 2019 itu, akan menjalani kuarantin wajib selama tujuh hari di sebuah hotel mengi-



LEE Zii Jia gembira apabila berjaya menamatkan kejohanan dengan kejuaraan.

kut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh kerajaan bagi semua individu yang pulang dari luar negara di bawah pengawasan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Pemain kelahiran Alor Setar itu, muncul juara All England se- lepas menampilkan semangat juang tinggi pada perlawanan akhir untuk menewaskan juara bertahan Viktor Axelsen dari Denmark 30-29, 20-22, 21-9, di Utilita Arena Birmingham, pada Ahad lepas.

Pernah ditewaskan pada peringkat separuh akhir kepada pemain

sama tahun lepas, Zii Jia amat bersemangat untuk memenangi gelaran itu, selepas menewaskan pemain nomor satu dunia dan harapan pingat emas Olimpik Jepun Kento Momota, dengan keputusan 21-16, 21-19 pada sain gan suku akhir.

Sementara itu, Komander Operasi Kuarantin Nadma, KLIA, Abdul Manaf Che Isa berkata skuad negara hanya perlu menjalani kuarantin selama tujuh hari kerana telah membuat ujian calitan sebelum berlepas pulang ke tanah air. - **BERNAMA**

Pengadil aksi Sabah menentang Terengganu digantung dua minggu

PENGADIL perlawanan Liga Super di antara Sabah FC menentang Terengganu FC di Stadium Likas, Kota Kinabalu pada Ahad lepas, dikenakan tindakan penggantungan serta-merta selama dua minggu daripada sebarang tugasan perlawanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengadil Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) Datuk S. Sivasundaram ber-



S. SIVASUNDARAM

kata, pengadil tersebut didapati menunjukkan prestasi kurang memuaskan sepanjang perlawanan itu, berlandaskan laporan Penilai Pengadil yang bertugas pada perlawanan tersebut," katanya yang juga timbalan presiden FAM.

Pemain tengah JDT Natxo Insa pula, dirujuk kesnya ke Jawatankuasa Tatatertib FAM berdasarkan bukti rakaman video dan laporan pengadil ekoran tindakannya yang menyerbu dan menyentuh pengadil selepas tamat perlawanan.

Khailazuan Kidam dan Noor Azriel Baharudin merupakan pengadil yang masing-masing mengadili perlawanan Sabah FC berdepan Terengganu FC, dan Perak FC menentang Johor Darul Ta'zim (JDT) pada Ahad, yang mencetuskan ketidakpuasan dalam kalangan peminat dan juga netizen. - **BERNAMA**

Ops Belang: DBKL kompaun 470 kendaraan di Pasar Borong Kuala Lumpur

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengenakan tindakan penguatkuasaan terhadap 470 kendaraan atas pelbagai kesalahan menerusi Operasi Bersih dan Halang (Ops Belang) di sekitar Pusat Bandar Utara serta Pasar Borong Kuala Lumpur.

Operasi bersepadu yang turut disertai tiga agensi yang diketuai oleh DBKL, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu dilakukan selama lima hari bermula Selasa lalu sehingga Sabtu.

Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, **Anwar Mohd Zain** berkata, tindakan penguatkuasaan tertumpu kepada kendaraan awam dan perdagangan yang menyebabkan halangan, melanggar syarat



ANWAR

lalu-lintas, pencemaran serta kerrosakan jalan.

“Sepanjang operasi, DBKL mengesan sebanyak 232 kes manakala JPJ (176 kes) dan PDRM (62 kes).

“Antara kendaraan yang dikenakan tindakan adalah enam forklift (jentera angkat), kontena (11), motosikal (151), kereta (146) dan lori (156).

“Daripada jumlah itu, 39 kendaraan dirampas kerana melakukan kesalahan lalu-lintas, parkir di siar kaki dan tersadai manakala 431 kendaraan lagi dikeluarkan notis serta kompaun,” katanya dalam sidang media Ops Belang di Pasar Borong Kuala Lumpur pada Sabtu.

Katanya, tindakan diam-bil mengikut Seksyen 22 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, Seksyen 79(2) APJ, Seksyen 26(1)



ANGGOTA Penguatkuasa DBKL dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menyita sebuah motosikal milik warga asing dalam Ops Belang pada Sabtu.

APJ, Seksyen 23 APJ, Seksyen 61 APJ, Kaedah 16(1), Kaedah 12(4) dan Kaedah 44 Kaedah-Kaedah Lalulintas 1959.

Anwar berkata, operasi berkenaan dilakukan susulan pemantauan dan aduan yang diterima pihaknya mengenai aspek

kebersihan dan keselamatan di sekitar Pusat Bandar Utara dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

“Kita dapat ada lori yang menjatuhkan tanah, simen, pasir dan batu kecil di jalan dengan tidak mengambil langkah keselamatan kepada pengguna jalan raya lain se-lain menyebabkan kekotoran jalan.

“Dan ada juga warga asing yang didapati memandu kendaraan tanpa lesen dan mereka sudah diambil tindakan oleh pihak JPJ,” katanya.

Tambahnya, ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini, pihaknya lebih tertumpu kepada keadaan di dalam pasar borong namun kini operasi diperluas sehingga ke kawasan sekitar pusat bandar utara.

“Ini kerana kita bukan sahaja mahu pasar borong ini berada dalam keadaan bersih tetapi kawasan di luar juga perlu bebas daripada sebarang halangan dan tidak mengganggu lalu lintas,” katanya. **WK**

Jangan berbasikal di Pintasan Saloma - PKB

SYAHIDI BAKAR

SEMUA pihak terutama penunggang basikal yang menggunakan laluan khas pejalan kaki disediakan di Pintasan Saloma disarankan mematuhi peraturan sedia ada yang ditetapkan demi keselamatan dan kebaikan bersama.

Perkara tersebut kata Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB), perlu diberi perhatian oleh pengguna bagi bersama memelihara struktur dan binaan di kawasan ikonik pelancongan baharu di Kuala

Lumpur itu.

Menurut PKB, adalah menjadi harapannya supaya Pintasan Saloma muncul sebagai antara lokasi Ikonik Pelancongan Baharu yang berpotensi dan menarik kehadiran pelancong bukan sahaja dari dalam negara malah di peringkat dunia.

Oleh yang demikian PKB ingin mohon kerjasama pengguna basikal yang melalui Pintasan Saloma dapat mematuhi peraturan ditetapkan termasuk pengunjung tidak dibenar menunggang basikal di laluan di sepanjang Pintasan Saloma.

“Namun begitu mereka dibenar menuntun basikal masing-masing semasa melaluinya bagi pastikan keselamatan para pengunjung yang lain terjamin, selain tidak merosakkan struktur sekitar Pintasan Saloma,” kata PKB dalam kenyataannya pada Isnin.

Kenyataan media PKB menyusul berikutnya satu kenyataan akbar disiarkan MStar pada 22 Mac berhubung isu yang tular media sosial menunjukkan penunggang berbasikal di Pintasan Saloma.

Menurut PKB, Pintasan Saloma atau Saloma Link adalah laluan



LARANGAN berbasikal di Pintasan Saloma dikuatkuasa bagi menjamin keselamatan pengunjung dan tidak merosakkan struktur Ikonik Pelancongan itu.

pejalan kaki bertingkat dengan reka bentuk ikonik sepanjang 370 meter laluannya kini menghubungkan Kampong Bharu dengan KLCC, ketengahannya binaan unik berupa sirih junung. **WK**

Bazar Jalan TAR dibuka semula

RAYUAN peniaga-peniaga bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri didengari Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa apabila beliau telah memberikan kebenaran untuk beroperasi semula di Lorong Tuanku Abdul Rahman atau lebih dikenali Jalan TAR pada tahun ini.

“Demi memenuhi rayuan peniaga bazar Aidilfitri, kita bersetuju bukan sahaja untuk benarkan bazar dibuka tapi kita hidupkan semula bazar di tapak asal di Lorong Tuanku Abdul Rahman mulai 17 April, namun dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dikenakan,” ciapnya di Twitter Khamis.

Terdahulu, isu bazar tersebut menjadi polemik apabila ia

dipindahkan di Jalan Raja berhadapan dengan Bangunan Sultan Abdul Samad pada tahun 2019.

Rentetan itu, ramai peniaga mengeluh kerana perniagaan di kawasan tersebut kurang maju selain sukar untuk orang ramai berkunjung ke kawasan itu.

Annuar pada Sabtu lalu telah melakukan tinjauan di Lorong Tuanku Abdul Rahman untuk melihat sendiri kawasan tersebut dan bertemu dengan peniaga serta Persatuan Peniaga dan Penjaja Pasar Malam Lorong Tuanku Abdul Rahman untuk mendapatkan maklumat terperinci berhubung permintaan peniaga yang mahukan lokasi bazar Ramadan dikembalikan semula di lorong tersebut. **WK**

Putrajaya tertinggi daftar penerima vaksin COVID-19

JUMLAH individu yang sudah mendaftar sebagai penerima vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera kini mencecah lebih 5.7 juta orang setakat jam 12 tengah malam tadi.

Data yang dikongsikan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKAV) di Twitter, menunjukkan seramai 5,742,572 individu sudah mendaftar untuk menerima vaksin itu yang mewakili 23.7 peratus daripada populasi rakyat negara ini berusia 18 tahun ke atas.

Pendaftaran tertinggi direkodkan adalah di Putrajaya dengan 71.3 peratus atau

40,599 penduduk di wilayah itu sudah mendaftar sebagai penerima vaksin.

Dua negeri merekodkan jumlah pendaftaran paling kurang dengan hanya 8.7 peratus atau 254,823 penduduk di Sabah serta 12.3 peratus atau 151,580 penduduk di Kelantan mendaftar sebagai penerima vaksin menerusi MySejahtera.

Kuala Lumpur turut mencatatkan kadar pendaftaran memberangsangkan dengan 34.9 peratus atau 516,956 penduduk, disusuli Selangor (34.4 peratus/1,668,544), Pulau Pinang (29.7 peratus/410,841), Negeri Sembilan (27.4 peratus/233,024) dan Labuan (26.9 peratus/19,504). **WK**

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

Proses pengurusan vaksinasi anda akan lebih mudah jika anda menggunakan aplikasi MySejahtera

- Setkan profil peribadi dan starti untuk vaksinasi COVID-19
- Terima notifikasi temujanji dan buat pengesahan
- Ambil Kod QR untuk perolehan vaksinasi
- Terima status hasil ijin digital vaksinasi

Muat turun aplikasi MySejahtera versi terkini

Google Play App Store

PENDAFTARAN imunisasi COVID-19 boleh dilakukan melalui Aplikasi MySejahtera.



Laporan Inisiatif Wilayah Cakna dipersembah pada Agong

RM151.3 juta untuk manfaat rakyat

KIRA-KIRA RM151.3 juta dibelanjakan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Inisiatif Wilayah Cakna yang memanfaatkan kira-kira 530,000 warganya susulan terkesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).


Menterinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, inisiatif tersebut merupakan sebahagian komitmen kerajaan untuk mempergiatkan lagi usaha memulih dan menjana semula ekonomi di seluruh Wilayah Persekutuan.

"Tujuannya adalah untuk memelihara kebajikan rakyat dalam situasi yang sukar pada masa ini."

"Kami sentiasa prihatin dan cakna terhadap kesulitan yang dihadapi rakyat sepanjang tempoh ancaman wabak COVID-19 serta pelaksanaan PKP yang membawa pelbagai cabaran ekonomi dan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2021 di Istana Negara pada Selasa.

Dalam istiadat berkenaan, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan darjah kebesaran, bintang dan pingat Wilayah



ANNUAR membaca watikah ucapan berhubung program pemerkasaan dan bantuan yang dilaksanakan KWP.



MYBERAS@Wilayah antara inisiatif sumbangan di bawah Inisiatif Wilayah Cakna.

Persekutuan 2021 kepada 143 individu.

Pengurniaan itu adalah berdasarkan kepada khidmat bakti dan jasa yang dicurahkan penerima kepada Wilayah Persekutuan.

Dalam pada itu, Annuar berkata sebagai kesinambungan usaha menzahirkan rasa prihatin serta cakna terhadap rakyat Wilayah Persekutuan, kementeriannya menggagaskan konsep "Wilayah Persekutuan, Wilayah

Prihatin".

"Konsep ini akan menjadi teras hala tuju penzahiran penyampaian perkhidmatan supaya sentiasa prihatin serta memberi keutamaan terhadap kebajikan rakyat," katanya.

Sementara itu, Annuar berkata berdasarkan sistem e-Kasih serta data dari Unit Laksana, Kementerian Kewangan, seramai 36,454 ketua isi rumah (KIR) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan

Labuan dikategorikan dalam golongan miskin bandar.

"Masalah miskin bandar ini berpunca daripada pelbagai faktor, yang antara isu utamanya melibatkan isu perumahan mampu milik. Selaras dengan itu, kami telah bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam meneruskan usaha menyediakan kediaman mampu milik yang selesa."

"Antara inisiatif yang disediakan adalah pembinaan

council homes atau rumah sewa milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di setiap kawasan Parlimen di Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata inisiatif lain ia-lah pelaksanaan inisiatif Baiti Jannati atau Rumah Wilayah Prihatin membabitkan pembinaan 6,000 unit rumah mampu milik di Kuala Lumpur; sebanyak 3,000 unit di Putrajaya dan 1,000 unit di Labuan. **WK**

Erra Fazira, Himaya bekerjasama dokong usaha kerajaan basmi COVID-19

DEEL ANJER

PRIMADONA Erra Fazira menerima tawaran kerjasama Himaya dalam memenuhi tuntutan pasaran pelitup muka medikal buat wanita berhijab sekali gus menyokong usaha kerajaan mengekang penularan pandemik COVID-19.

Beliau yang juga pelakon dan penyanyi terkenal negara mengakui teruja dengan kerjasama tersebut kerana berpeluang melakukan kerja amal dan berbakti kepada masyarakat.

Erra Fazira atau nama sebenarnya **Fazira Wan Chek, 47**, berkata, pihak Himaya akan menyumbangkan pelitup muka bernilai RM14,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Syriacare dan lain-lain dalam usaha menangani COVID-19.

"Alhamdulillah sudah menjadi rezeki

saya. Lagipun mereka ada sasaran tersendiri iaitu bagi golongan umur pertengahan, mereka memilih saya."

"Apa yang seronok dan membuatkan saya teruja adalah, kolaborasi ini melibatkan kerja amal. Ini juga antara sebab saya bersetuju untuk bekerjasama dengan pihak Himaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis sidang akhbar Majlis Pelancaran Rasmi Pelitup Muka Premium baru-baru ini, turut terlibat penyanyi, Wany Hasrita.

Mengulas tentang kerjayanya selepas tampil dengan lagu Memanglah Cinta, Erra Fazira merancang mahu muncul dengan album, namun semuanya tergendala kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Sebenarnya sebelum ini saya merancang untuk hadiahkan album buat peminat.

Cuma usaha itu terhenti seketika kerana PKP.

"Apapun saya akan teruskan perancangan album ini setelah lebih kurang 10 tahun tidak muncul dengan sebarang album," ujarnya.

Terdahulu, pada majlis itu, Himaya memperkenalkan dua warna baharu pelitup muka mesra hijabi yang elegan, iaitu Blue Lagoon oleh Erra Fazira dan Apricot Dream yang diperagakan Wany Hasrita.

Himaya adalah jenama pelitup muka medikal premium baharu yang diperbuat daripada fabrik penapis kelas perubatan premium untuk aliran pernafasan yang selesa.

Ia juga sesuai untuk orang berkulit sensitif disebabkan kualiti fabrik premium yang lembut. **WK**



ERRA FAZIRA